

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 11

Hari Khamis

29 Mei 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Notari Awam (Pindaan) 1997	(Ruangan 38)
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pembubaran) 1997	(Ruangan 54)
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pembubaran) 1997	(Ruangan 71)
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pembubaran) 1997	(Ruangan 87)
Rang Undang-undang Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Penggantian dan Pembubaran) 1997	(Ruangan 102)
USUL:	
Pemilihan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara	(Ruangan 37)

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Mesyuarat Pertama
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P.

(Dilantik)

- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sun (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)

- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 29hb. Mei, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

PENGGORPORATAN IPT - JUMLAH YANG TERLIBAT

1. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah program korporatasi institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia ini dapat bersaing dengan institusi-institusi pengajian tinggi pihak swasta. Sila nyatakan jumlah institusi-institusi pengajian tinggi yang boleh menampung pembelajaran sehingga ke peringkat ijazah dan sila nyatakan juga jumlah pelajar-pelajar mengikut kaum dan jenis pengajian yang diikuti.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pengkorporatan Institusi Pendidikan Tinggi Tempatan Awam (IPTA) adalah bertujuan untuk memperbaiki pengurusan universiti, menambahkan kemudahan-kemudahan dan mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran termasuk penyelidikan dan pembangunan di IPTA.

Pengkorporatan IPTA dijangka dapat mengurangkan pengaliran tenaga pengajar ke sektor swasta dan dengan itu juga menarik minat lebih ramai bakal-bakal pensyarah yang berwibawa untuk berkhidmat di IPTA. Dengan kaedah pengurusan yang baru, IPTA dijangka dapat diuruskan dengan lebih luwes (fleksibel), dinamik dan relevan kepada keadaan semasa. Justeru itu pengkorporatan dijangka akan memberi manfaat kepada pensyarah, pelajar dan juga negara pada keseluruhannya.

Perlu juga saya tegaskan bahawa pengkorporatan bukan bererti penswastaan. IPTA tetap akan terus menjadi sebuah badan berkanun yang dimiliki oleh kerajaan. Matlamat pengkorporatan bukan mencari keuntungan, tetapi adalah bertunjangan idealisme untuk melahirkan graduan-graduan yang berkebolehan tinggi terutama sekali dari segi keupayaan berfikir, mempunyai budaya ingin belajar yang kuat, memupuk nilai kepimpinan yang baik dan memperkukuhkan sahsiah pelajar.

Kerajaan yakin IPTA boleh bersaing dengan Institusi Pengajian Tinggi Swasta kerana IPTA akan bergerak secara lebih kompetitif lagi. Jumlah IPTA yang menawarkan program pengajian hingga peringkat ijazah adalah sebanyak 10 buah, dengan jumlah pelajar seramai 140,272 orang yakni sesi akademik 1995/1996. Mereka mengikuti pelbagai bidang pengajian.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apabila Yang Berhormat Menteri tadi menyebutkan bahawa penswastaan Institut Pengajian Tinggi Awam adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar lebih kompetitif lagi dan mereka akan dapat menjalankan urusan pengajian awam ini dengan lebih kompetitif lagi.

Kalau kita melihat dengan adanya penswastaan badan-badan yang lain, ia telah menimbulkan kos-kos yang bertambah kepada pihak-pihak pengguna misalnya ada badan-badan yang telah pun diswastakan telah pun meningkatkan kos-kos yang dikenakan kepada pelanggan-pelanggan.

Bagaimanakah kementerian memastikan supaya penswastaan Institusi Pengajian Tinggi Awam ini tidak meninggalkan kesan di mana kos-kos untuk pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran menjadi tinggi sehingga tidak termampu oleh pelajar-pelajar luar bandar.

Dan satu lagi soalan tambahan bagaimanakah kerajaan memastikan supaya perbezaan di antara pelajar lelaki dan pelajar wanita di Institusi Pengajian Tinggi tidak terjadi sebagaimana hari ini di mana pelajar-pelajar wanita lebih ramai yang layak memasuki Institusi Pengajian Tinggi berbanding dengan pelajar-pelajar lelaki kalau melihat dari segi keputusan peperiksaan akademik.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan bahawa pengkorporatan bukan bererti penswastaan. Jadi, perbandingan Ahli Yang Berhormat adalah berkenaan dengan prestasi badan-badan yang telah diswastakan. IPTA tidak diswastakan tetapi dikorporatkan. Hakmilik masih sebagai sebuah badan berkanun yang dimiliki oleh kerajaan. Sebagai sebuah badan berkanun IPTA bertanggungjawab terus kepada kerajaan dan kadar yuran adalah dalam bidang kuasa kerajaan untuk menentukan dan kerajaan tidak akan menaikkan yuran dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira kepentingan pelajar-pelajar terutama sekali daripada golongan yang miskin.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini semasa saya di Pulau Langkawi, saya telah ditunjukkan satu lagi tapak pusat pengajian tinggi iaitu tapak 'University Tomorrow'. Saya ingin memohon Yang Berhormat Menteri memberi penerangan yang lebih sedikit mengenai 'University Tomorrow' ini, contohnya apakah konsepnya, berapa besarkah peruntukannya, bilakah ia akan dilaksanakan dan apakah syarat-syarat kemasukan ke universiti ini?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain. *[Ketawa]* Dan saya belum sedia lagi memberi penerangan sebab ini masih lagi dalam peringkat perbincangan lagi.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, saya mengucapkan tahniahlah kepada pihak Kementerian Pendidikan kerana menteri sendiri dapat memberikan jawapan yang panjang lebar berkenaan dengan soalan asal saya tadi.

Soalan tambahan saya adalah kerana salah satu objektif untuk hendak mewujudkan ataupun mengkorporatkan institusi-institusi pengajian tinggi ini ialah bagi menentukan tenaga pengajarnya dapat dibendung tidak keluar. Jadi, sekarang soalannya, berapakah jumlah pensyarah-pensyarah yang terpaksa meninggalkan gedung pengajian tinggi ini kerana dengan keadaan sekarang tangga gajinya mungkin berbeza apabila ia dikorporatkan, maksud saya 'turnover' dari segi tenaga pensyarah di universiti sehingga ianya boleh menjejaskan dari segi kesinambungan pendidikan untuk pelajar-pelajar.

Dan juga apabila ia dikorporatkan adakah pihak universiti ini menentukan supaya tempat tinggal pelajar-pelajar ini dapat diswastakan ataupun dikorporatkan dengan secara tanah yang begitu luas, di kawasan kampus universiti ini dibangunkan flat-flat murah untuk pelajar-pelajar yang kini berdepan dengan masalah tempat tinggal.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, dua soalan tambahan. Pertama, bilangan pensyarah yang sudah keluar daripada IPTA, bilangannya agak ramai tetapi belum lagi sampai kepada tahap mencemaskan tetapi kalau IPTA tidak dikorporatkan keadaannya akan bertambah lebih kritikal dan akan menjejaskan proses pembelajaran dan pengajaran di universiti. Oleh itu, pengkorporatan bukan satu pilihan tetapi satu perkara yang perlu dilakukan kerana kalau jurang perbezaan tangga gaji antara universiti dan pihak swasta terlalu tinggi maka kita tidak boleh membendung mereka daripada meletakkan jawatan untuk berkhidmat di sektor swasta.

Di samping itu, kita perlu sedar bahawa kecemerlangan sebuah universiti bergantung kepada kewibawaan para pensyarah dan minda-minda yang dapat berkhidmat di universiti-universiti kita. Sebab itulah kita akan menawarkan skim perkhidmatan yang lebih baik dan dengan ini kita harap akan menarik lebih ramai lagi mereka untuk menjadi pensyarah di samping mengekalkan mereka yang sedia ada di universiti kita.

Kedua, memang menjadi hasrat kerajaan untuk menambahkan lagi bilangan asrama untuk pelajar-pelajar di kawasan kampus universiti. Kita meletakkan dasar supaya sekurang-kurangnya 70% daripada para pelajar universiti hendaklah tinggal dalam kawasan kampus.

Dengan penambahan bilangan pelajar yang begitu tinggi untuk pengambilan tahun ini kita mengalami kekurangan asrama dan kerajaan sedang mengambil tindakan dalam bentuk 'crash programme', Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah begini. Adakah ura-ura untuk menghapuskan pusat asasi dan matrikulasi ini adalah kesan daripada hasrat IPTA untuk menjimatkan kos kerana dikatakan bahawa tenaga pengajar tidaklah wajar mengajar di pusat-pusat asasi atau matrikulasi ini walaupun jelas bahawa tujuan asal diwujudkan pusat-pusat ini tadi kini berjaya dengan cemerlangnya.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan belum mengambil keputusan untuk menghapuskan kaedah matrikulasi ataupun kelas asasi. Cuma kajian kita sedang lakukan dan kita ada tiga pilihan, sama ada:-

- (i) mengekalkan kelas matrikulasi dalam bentuk sekarang; ataupun
- (ii) meneruskan matrikulasi tetapi tidak dikendalikan oleh universiti tetapi di'franchise'kan; ataupun

(iii) menyerahkan tanggungjawab ini kepada Kementerian Pendidikan.

Matlamatnya tidak bertukar, matlamatnya ialah untuk kita menjamin sebanyak mungkin pelajar-pelajar bumiputera yang cemerlang dapat tempat dalam universiti terutama sekali dalam bidang sains dan teknologi. Cuma yang kita harus fikirkan ialah sama ada matrikulasi itu adalah cara yang paling baik sekali ataupun ada cara yang lain kerana dalam sistem matrikulasi, pelajar bumiputera tidak bersaing dengan pelajar lain. Jadi, kemudian hari mereka menghadapi masalah dalam persaingan pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dan sebagainya. Inilah yang harus kita fikirkan bukan sahaja dari segi kemasukan tetapi dari segi kualiti kelulusan dan output kemudian hari.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu pengkorporatan ini adakah termasuk asrama pelajar-pelajar akan dimasukkan di bawah pentadbiran pengkorporatan? Kerana kami difahamkan asrama sekarang bayarannya tertinggi kalau sewa di luar lagi tinggi dikenakan oleh pihak-pihak tertentu. Apakah kementerian dapat mengawal tentang harga sewa asrama di luar ini, sepatutnya kerajaan menyewa dahulu rumah-rumah yang berhampiran dengan universiti kemudian baru disewakan kepada pelajar-pelajar.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, selepas universiti dikorporatkan, kita akan mengawal kadar sewa asrama kepada kadar yang mampu disewa oleh para pelajar kita dan walaupun universiti dikorporatkan tetapi subsidi kerajaan masih kita teruskan. Pada masa sekarang ini subsidi kerajaan untuk pelajar universiti adalah dalam lingkungan 88% hingga 94% setiap pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk bidang perubatan umpamanya, kos mengeluarkan seorang pelajar perubatan ialah RM45,000, kadar yuran dikenakan cuma RM2,400 sahaja.

**GEJALA NEGATIF DI KALANGAN PELAJAR
SEKOLAH - KAJIAN SEMULA KURIKULUM
DAN DASAR PENDIDIKAN NEGARA**

2. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) apakah pandangan kerajaan terhadap masalah gejala sosial negatif yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah di semua peringkat. Sama ada kerajaan bercadang mengkaji semula pelaksanaan kurikulum dalam dasar pendidikan negara, dengan memberi penekanan terhadap pendidikan pembangunan manusia; dan
- (b) sama ada kerajaan bercadang mengadakan peraturan melarang pelajar sekolah rendah dan menengah berkeliaran di tempat awam dan mengharamkan keluar bersendirian selepas jam 11.30 malam.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap sebilangan kecil pelajar yang terlibat dalam gejala sosial. Kementerian Pendidikan memang sentiasa mengkaji pelaksanaan kurikulum dari masa ke semasa bukan sahaja untuk disesuaikan dengan keperluan negara tetapi juga untuk disesuaikan dengan aspek-aspek pembangunan insan selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara yang memberi penekanan kepada pendidikan yang seimbang dari segi jasmani dan rohani dengan menerapkan nilai-nilai murni merentasi kurikulum menerusi kegiatan pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, masyarakat khususnya ibu bapa haruslah turut menaikan peranan untuk memperkukuhkan amalan pelajar terhadap perkara positif serta membimbing mereka supaya berfikiran kritikal atau menolak sama sekali perkara-perkara negatif terutama apabila mereka berada di luar kawasan sekolah.

- (b) Kementerian Pendidikan tidak mempunyai autoriti penguatkuasaan untuk melarang pelajar berada di tempat-tempat awam selepas waktu sekolah atau keluar bersendirian selepas jam 11.30 malam. Masyarakat khususnya ibu bapa haruslah memainkan peranan untuk mengawasi kegiatan anak-anak mereka sendiri yang masih bersekolah apabila mereka berada di luar kawasan sekolah.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan dalam pelaksanaan kokurikulum dalam dasar pendidikan, adakah pelajaran agama disertakan, kalau tidak apakah langkah-langkah kementerian yang akan diambil?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pengajaran agama tidak dimasukkan dalam kokurikulum, dimasukkan dalam kurikulum Kementerian Pendidikan. *[Ketawa]*

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal kurikulum dan sistem pembelajaran di sekolah, kita dapati ramai anak-anak kita yang terpaksa mengambil kelas-kelas bimbingan dan kelas-kelas tambahan di luar waktu sekolah. Apakah ini satu petanda bahawa sistem pembelajaran kita di sekolah tidak mencukupi?

Sekiranya ia, bagaimanakah anak-anak yang tidak berkemampuan hendak mendapatkan kelas-kelas tambahan ini? Apakah kementerian boleh mengadakan kelas-kelas tambahan ini secara menyeluruh tidak hanya di sesuatu buah sekolah sahaja. Dan sekiranya boleh, patut atau tidak guru-guru yang terlibat diberi sugu hati ataupun dibayar overtime atau apa pun juga bentuk imbuhan yang boleh diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedar bahawa kelas-kelas tambahan ini akan dapat mengelakkan anak-anak kita dari berfoya-foya dan berkeliaran lantaran boleh mengurangkan gejala sosial.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kementerian amat sedar akan perkara ini dan sebab itulah kita mulai bulan Jun ini akan membuat percubaan di 28 buah sekolah untuk melaksanakan konsep sekolah satu sesi di mana para pelajar akan belajar sehingga pukul 3.30 ataupun 4.00 petang. Ini adalah kerana kalau mereka lebih lama waktu di sekolah, lebih kurang kemungkinan mereka akan berkeliaran tidak tentu arah di luar kawasan sekolah.

Soal hendak mengadakan kelas tuition ini bukan perkara baru. Sejak dahulu lagi memanglah ini menjadi budaya masyarakat kita di mana ibu bapa mengharapkan anak mereka mencapai prestasi yang lebih tinggi, jadi, kalau kita ada kelas satu sesi pun ramai saya jangka ramai ibu bapa masih lagi menghantar anak-anak mereka untuk mengikuti kelas tuition.

Dari segi di luar bandar ada beberapa program khas yang kita lakukan tetapi ini menuntut kepada pihak-pihak lain seperti kerajaan negeri, yayasan negeri dan pihak-pihak lain untuk membantu membiayai program-program khas ini. Tetapi kalau konsep sekolah satu sesi ini dapat diterapkan secara menyeluruh maka ini akan memberi satu impak yang besar kepada peningkatan pencapaian para pelajar di samping mengurangkan masalah sosial.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut pandangan saya pelajar-pelajar merokok di sekolah adalah begitu serius. Tetapi yang serius sekali adalah kes-kes jenayah yang berlaku di dalam kawasan sekolah. Pada hari ini, kongsi gelap masuk ke sekolah seperti pembunuhan, rogol, kes culik, murid-murid sekarang sudah jadi mangsa culik. Jadi, oleh kerana kes-kes jenayah yang senantiasia berlaku di dalam sekolah, saya ingin mengetahui apakah langkah Kementerian

Pendidikan untuk mencegah kes-kes jenayah berlaku di dalam sekolah-sekolah di negara kita ini?

Dalam pada itu, adakah kementerian mempunyai niat untuk meminta kepada polis meronda di sekolah-sekolah dalam negara kita ini agar supaya kes-kes jenayah dapat dicegah dengan segera.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba hendak mendengar sedikit tadi, apa Ahli Yang Berhormat katakan dengan teliti. Sebab 'melontar' dengan meronda itu [*Ketawa*] hendak dengar apa yang dimaksudkan!

Sebenarnya, memang kita memandang serius kepada masalah jenayah di sekolah. Dan sebab itu, kita menubuhkan jawatankuasa permuafakatan bersama dengan pihak polis dan juga pemimpin-pemimpin tempatan, di peringkat daerah ada dan di peringkat sekolah pun ada. Jadi, arahan kita telah berikan, kalau sekiranya ada tanda-tanda kegiatan jenayah maka tindakan tegas harus diambil dalam hal ini. Itu yang pertama.

Kedua, kita belum sampai kepada peringkat di mana kita perlu meminta polis membuat rondaan di kawasan sekolah, tetapi bantuan polis boleh dipohon pada bila-bila masa.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita ketahui, pelajar-pelajar sekolah ini walaupun di luar sekolah pun mereka masih disebut sebagai pelajar sekolah. Contohnya, kalau mereka itu ditangkap di pusat-pusat hiburan ataupun di disko-disko, selalunya disebut seramai atau berapa ramai pelajar sekolah yang telah ditahan di pusat-pusat hiburan berkenaan.

Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan sama ada kementerian telah memikirkan untuk mengadakan satu skuad khas, skuad penguatkuasa

untuk meronda kawasan-kawasan di mana terdapatnya pelajar-pelajar sekolah ponteng ataupun di pusat-pusat hiburan yang menjadi tumpuan pelajar-pelajar sekolah.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, adalah amat tidak sesuai kalau pihak sekolah dibebankan untuk menjaga di luar kawasan sekolah malah kita tidak ada kuasa, tidak ada autoriti di luar kawasan sekolah. Kita mesti mengubah 'mind set' masyarakat kita supaya ibu bapa memikul tanggungjawab di luar kawasan sekolah. Apakah ibu bapa bertanggungjawab sekadar melahirkan anak mereka sahaja ataupun lebih daripada itu? Seharusnya di setiap waktu anak mereka, di mana anak mereka pergi, siapa kawan anak mereka itu harus merupakan tanggungjawab ibu bapa bukan tanggungjawab kerajaan.

PUTRAJAYA - JANGKA MASA SIAP

3. **Tuan Haji Sairin bin Karno** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah pembinaan Putrajaya siap dan apa benarkah ianya akan lebih canggih daripada Bandaraya "Atlanta".

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Putrajaya dibangunkan secara berperingkat mengikut fasa-fasa seperti berikut:-

Fasa 1: Tahun 1996-2000

Fasa 2: Tahun 2001-2005

- (ii) Pembangunan fasa 1 dibahagikan kepada berikut:-

Fasa 1A - Pembinaan Pejabat Perdana Menteri yang dijangka siap dan mula beroperasi pada Oktober 1998

Fasa 1B - yang dijangka siap akhir tahun 2000 meliputi pembangunan komponen-komponen berikut:

- Pejabat dan kementerian lain yang diberi keutamaan;
 - kawasan perumahan;
 - bangunan komersial; dan
 - infrastruktur berkaitan.
- (iii) Putrajaya yang dibangunkan sebagai ‘Bandar Raya Dalam Taman’ akan merupakan ‘Bandar Raya Bestari’ atau ‘Intelligent City’ dengan penekanan kepada penggunaan teknologi perhubungan dan komunikasi canggih, serta berteraskan teknologi komputer dan satelit. Sebagai bandar serba moden, Putrajaya bukan sahaja akan dibangunkan dengan segala kemudahan terkini yang mampu menawarkan bentuk perkhidmatan kerajaan yang efisien serta menyeluruh tetapi ia juga akan menawarkan satu suasana kehidupan yang cemerlang.

Dalam konteks ini, pembangunan Bandarraya Putrajaya keseluruhannya akan lebih canggih daripada Bandarraya Atlanta.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sejauh manakah perancangan yang dibuat oleh kerajaan ke arah melibatkan penyertaan bumiputera dalam pembangunan Putrajaya ini?

Dato’ Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah dasar kerajaan dan penyertaan bumiputera dalam pembangunan dirangkumkan penyertaan dalam pembangunan Putrajaya.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu salah satu daripada cabaran Wawasan 2020 ialah mewujudkan masyarakat penyayang.

Soalan saya ialah dalam pembinaan Putrajaya apakah ciri-ciri masyarakat penyayang dilengkapkan sekali dalam pembinaan bandar Putrajaya itu?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, Putrajaya selain daripada akan melengkapkan teknologi canggih ia juga akan menjadi satu bandar yang dikatakan 'customer friendly' bermaknanya keselesaan hidup masyarakat dan kemudahan yang selesa akan dilengkapkan. Begitu juga dengan pembangunan aspek-aspek kemasyarakatan dari segi taman-taman untuk kegunaan anak-anak kecil, anak-anak sederhana umur dan sebagainya akan dirangkumkan bagi membolehkan penyertaan ibu bapa dan anak-anak dalam semua aspek sosial di dalam bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan M. G. Pandithan

Tuan Haji Kasim bin Md. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin dikemukakan Soalan No. 4.

UNDANG-UNDANG TRAFIK - CADANGAN MENGENAKAN HUKUMAN MATI KE ATAS PEMANDU YANG MENYEBABKAN KEMATIAN

4. **Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah undang-undang trafik akan diubahsuai maka hukuman mati boleh dikenakan kepada pemandu-pemandu yang kurang sopan menyebabkan kematian pengguna jalan raya supaya ianya tidak dilepaskan begitu sahaja kerana kelonggaran undang-undang dengan hukuman ringan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan hukuman mati ke atas pemandu-pemandu yang menyebabkan kematian akibat kemalangan jalan raya.

Undang-undang yang sedia ada sebenarnya adalah memadai untuk memastikan hukuman yang setimpal kepada pesalah-pesalah jalan raya.

Bagaimanapun, untuk memastikan tindakan yang lebih berkesan, Kementerian sedang menimbang kemungkinan membuat beberapa pindaan terhadap Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987. Pindaan-pindaan itu adalah Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu memandu secara melulu dan merbahaya menyebabkan kematian. Sekarang ini jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak lebih RM10,000 atau dipenjarakan selama tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya.

Kementerian bercadang supaya akta ini dengan menaikkan jumlah denda kepada RM30,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Keduanya, Seksyen 41, 42, 43, 44 dan 45A dipinda bagi memberi kuasa kepada Ketua Pengarah JPJ untuk menggantung lesen memandu pesalah sebelum kes mereka disebut di mahkamah.

Dan ketiganya, Seksyen 41, 42, 43, 44 dan 45A dicadangkan dipinda bagi memberi kuasa kepada mahkamah untuk menggantung lesen memandu pesalah sehingga kes mahkamah selesai.

Tuan Haji Abdul Majid bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jalan raya atau trafik adalah amat penting. Saya ingin tahu bagi pihak Kementerian yang berkenaan berapa ramai bilangan trafik yang ada dalam negara kita dan baru-baru ini ada dijalankan iaitu satu rancangan Ops-pacak. Apakah kejayaannya ataupun kegagalan dalam rancangan tersebut?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan trafik poliskah atau trafik kenderaan?

Tuan Haji Abdul Majid bin Baba: Kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua: Perlu notis ya. Mana tahu seluruh Malaysia....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya dahulu hafal angka ini, tetapi sekarang ini kalau tidak silap saya jumlah trafik untuk menjaga keselamatan jalan raya lebih kurang 800 orang, walaupun jumlah kesemuanya ialah 4,000, tetapi itu meliputi semua kerja, yang menjaga hanya untuk saman sahaja hanya lebih kurang 800 orang.

Berkaitan dengan Ops Pacak dilaporkan bahawa Ops Pacak telah dapat mengurangkan sedikit bilangan kematian berbanding dengan tanpa Ops Pacak mengikut rekod yang telah diadakan semasa Hari Raya berkembar tahun lepas ataupun pada awal tahun ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, setakat sekarang ini kita nampak, penguatkuasaan tidak dapat mengatasi masalah keselamatan di jalan raya. Penekanan haruslah dibuat dari segi pendidikan, kerana saya mendapati banyak lagi sektor-sektor yang boleh kita guna untuk menyampaikan kaedah pendidikan ini kepada pengguna-pengguna jalan raya, kerana pada masa sekarang kita mendapati kempen-kempen keselamatan jalan raya ini diadakan ada musim-musimnya. Media-media tidak dipergunakan sepenuhnya umpamanya radio, televisyen dan lain-lain media cetak dan media elektronik. Apakah pandangan pihak kerajaan supaya kaedah penguatkuasa yang tidak menampakkan kejayaan, kita lebih tumpu kepada kaedah pendidikan. Adakah ini satu cara yang boleh membantu ke arah menyelesaikan sedikit masalah keselamatan jalan raya?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendekatan kerajaan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya dan juga kematian adalah berasaskan sistem 3E yang digunakan di seluruh dunia iaitu pendekatan education seperti yang disebut.

Yang kedua, pendekatan kejuruteraan (engineering) iaitu bagi memastikan jalan raya baik atau kenderaan kejuruteraannya juga memuaskan.

Yang ketiga, pendekatan penguatkuasaan (enforcement). Walaupun kita dapati bahawa jumlah saman yang dikeluarkan oleh pihak polis dan JPJ hampir RM2 juta pada setiap tahun, tetapi ia telah tidak dapat mengurangkan dengan banyaknya jumlah kemalangan dan kematian. Namun demikian, sekiranya tidak ada penguatkuasaan yang agresif sebegini mungkin jumlah kemalangan dan kematian lebih daripada apa yang sedang berlaku. Oleh yang demikian, pendekatan 3E ini akan diteruskan dengan lebih berkesan atau lebih agresif. Antaranya adalah peranan media mass, kalau Yang Berhormat lihat setiap malam kita ada program dalam TV, tetapi nampaknya orang ramai masih lagi tidak takut termasuk pelumba-lumba motor haram. Walaupun dia tahu jika dia 'lumba haram' dia akan mati, tetapi mereka masih lagi berlumba, kerana kebanyakan kemalangan ini melibatkan penunggang motosikal, maka pada bulan Julai ataupun Ogos, satu kempen besar-besaran untuk motosikal akan diadakan di seluruh negara yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, ini adalah satu lagi pendekatan pendidikan supaya jumlah nyawa yang terkorban akan dapat dikurangkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya memandangkan masalah kemalangan jalan raya sekarang ini seolah-olah orang membunuh secara tidak langsung. Semalam pun TV tunjuk sebuah lori melanggar motosikal daripada belakang, selepas itu dia lari dan hari-hari pendek kata pembunuhan di jalan raya ini berlaku cukup kerap. Ini adalah suatu ancaman yang cukup serius dan secara tidak langsung menunjukkan kegagalan kerajaan dalam menguatkuasakan undang-undang dari segi hendak mengurangkan kemalangan jalan raya. Adakah kerajaan sedar bahawa tiap-tiap program yang kita buat ini lebih merupakan temasya, macam buat temasya lalu lintas

motosikal dan sebagainya ini orang anggap sebagai penyertaan komersial, bukan program mendidik. Apa pandangan kerajaan, sebab sekarang ini polis pun terancam. Dia hendak menguatkuasakan kadang-kadang dia sendiri bahaya dan kita tengok public sekarang ini tidak begitu memberi perhatian serius. Apa pandangan kerajaan mengenai masalah ini?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kerajaan melihat polis menghadapi masa yang agak sukar untuk mengatasi perkara ini dan untuk mendisiplinkan pengguna-pengguna jalan raya terutamanya penunggang motosikal. Saya telah melihat bagaimana polis menahan motosikal lumba haram di waktu malam. Saya lihat penunggang-penunggang motosikal dia suka thrill, bila tiba dekat polis dia slow dan apabila polis hendak tangkap lari balik. Ini telah menimbulkan satu suasana yang tidak sihat, kerana itu polis telah pun menjalankan gerakan yang lebih intensif supaya lumba-lumba seperti ini dapat dikurangkan dengan tangkapan yang lebih banyak dilakukan. Bagaimanapun seperti yang kita lihat pemuda-pemuda kita masih lagi berkeadaan demikian, sebab itulah maka kempen keselamatan penunggang motosikal ini akan diadakan khas untuk penunggang motosikal pada bulan Julai dan Ogos.

Satu lagi yang kementerian minta adalah bantuan daripada mahkamah supaya kes-kes kemalangan jalan raya ini dapat dibicarakan dengan cepat dan hukuman dapat dijatuhkan dengan segera supaya tindakan yang setimpal atau hukuman yang setimpal dapat diberi kepada mereka yang bersalah dan ini boleh mengingatkan kepada penunggang-pengunggang atau pemandu-pemandu yang lain supaya dapat mengurangkan kes-kes kemalangan kerana tindakan mahkamah adalah cepat dan boleh menakutkan kepada orang lain.

PELAJAR CEMERLANG - CADANGAN MENGADAKAN BANTUAN

5. Tuan Low Kai Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian bercadang mengadakan rancangan bagi membantu pelajar yang cemerlang tetapi miskin tanpa mengambil kira kaum bagi melanjutkan pelajaran secara percuma di universiti tempatan dan luar negara.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang mengadakan rancangan bagi membantu pelajar yang cemerlang tetapi kurang berkemampuan melanjutkan pelajaran secara percuma di universiti tempatan atau luar negara. Walau bagaimanapun, dengan penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional akan memberi peluang lebih ramai pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Tabung ini bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pelajar ijazah pertama di universiti tempatan sama ada awam atau swasta untuk membiayai yuran pengajian, kos sara hidup serta pembelian buku dan peralatan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pelajar cemerlang ini, saya tertarik dengan satu yayasan yang telah dibuat iaitu Yayasan Saad, di mana keuntungan daripada korporat ataupun peniaga-peniaga besar ini menyumbang balik kepada pelajar cemerlang terutama di luar bandar. Soalnya, apakah yayasan-yayasan lain juga sedang berusaha melalui Kementerian Pendidikan untuk memberi peluang ini. Misalannya Yayasan Lee, Tan and Tan dan sebagainya ke arah sumbangan kepada pelajar cemerlang dari luar bandar, pendalaman atau seluruh rakyat Malaysia.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita memang menggalakkan yayasan-yayasan lain turut memberi sumbangan sama ada mereka menubuhkan sekolah, tetapi mesti mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan

ataupun mereka memberi sumbangan secara persendirian secara langsung ataupun mereka memberi sumbangan kepada dana pendidikan nasional.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Baru-baru ini kerajaan ada menjawab bahawa pelajar-pelajar yang pergi melanjutkan pelajaran sendiri ke luar negara seperti di Singapura dan Australia, kerajaan tidak mempunyai rekod. Apakah keadaan ini benar dan kalau kerajaan mempunyai rekod bagi pelajar-pelajar yang pergi belajar sendiri ke universiti luar negara, berapakah bilangan mereka yang belajar di Singapura dan juga di Australia?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita ada estimate sahaja dengan izin, tidak ada angka yang tepat sebab pelajar persendirian di luar negeri kebanyakan mereka tidak berdaftar dengan kedutaan, dengan Jabatan Penuntut kita, walaupun mereka digesa berbuat demikian. Mengikut estimate kita, kita jangkakan jumlah pelajar kita di luar negara dalam lingkungan melebihi 50,000 orang.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah jurusan atau mata pelajaran yang diberi keutamaan dalam konteks pinjaman yang diberi oleh pinjaman Tabung Pendidikan Nasional?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Yang kita beri keutamaan Tuan Yang di-Pertua, ialah dalam bidang sains dan teknologi terutama sekali dalam bidang-bidang seperti teknologi maklumat, kejuruteraan, perubatan, pergigian dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dalam bidang sastera dan dalam bidang yang lain pun boleh dipertimbangkan di bawah tabung ini, cuma tempoh bayaran balik itu 10 tahun, tetapi untuk pelajar sains dan bidang-bidang teknikal ialah 15 tahun.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara ini berapakah sekolah-sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik, apakah tindakan segera yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ini perlu notis tak?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ya, ini jauh benar larinya. *[Ketawa]*

INDEKS HARGA RUMAH - LANGKAH MENGADAKAN

6. Puan Sri Sarasa Pasamanickam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah langkah mengadakan indeks penawaran kadar harga rumah telah mengurangkan masalah penjualan rumah dengan harga yang keterlaluan;
- (b) bilakah kementerian bercadang akan memperkenalkan indeks mengawal kadar sewa rumah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengeluarkan indeks harga perumahan bagi mengesan gerakan harga rumah. Indeks ini bukan bertujuan untuk mengawal harga rumah. Pada masa sekarang kerajaan tidak mengeluarkan indeks bagi tujuan mengawal kadar sewa rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan sendirinya Ideks Harga Rumah Malaysia (IHRM) tidak boleh mengawal harga rumah atau membolehkan rumah-rumah mudah dibeli. Kerajaan akan meneliti Indeks Harga Rumah Malaysia dan pasaran harta kediaman. Kerajaan akan menggunakan indeks ini untuk menyediakan polisi-polisi yang sesuai untuk mengawal hartanah kediaman.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita dapati banyak rancangan perumahan awam yang berada di tengah-tengah bandaraya dan

tempat ini tidak sesuai lagi. Adakah kerajaan bercadang untuk memindahkan rumah-rumah kos awam yang tempat ini lebih ekonomik untuk dibangunkan sebagai tempat komersial kepada tempat-tempat yang lebih sesuai seperti di kawasan-kawasan lombong yang sekarang ini digunakan sebagai padang golf, tempat-tempat yang semacam ini lebih sesuai untuk rumah kos rendah, kos dia pun menjadi rendah dan tempat pun sesuai untuk rekreasi.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, memang hasratnya ialah kita hendak memindahkan atau menentukan kawasan-kawasan yang dikira luar bandar raya yang sesak ini supaya kawasan-kawasan itu boleh didirikan dengan rumah kos rendah. Tetapi kita juga maklum di bandar raya juga kita perlu ada rumah kos rendah kerana ini juga diperlukan bagi pekerja-pekerja yang bergaji rendah dan buat masa sekarang, rumah kos rendah yang didirikan di bandar raya ini kita cubalah menggunakan untuk sewa sahaja tidak dijual kepada pihak pembeli. Apabila disewa memang sewaan ini akan dihadkan kepada 3 tahun atau 5 tahun supaya mereka yang menyewa itu apabila mereka mampu untuk membeli rumah di luar kawasan bandar raya itu, maka mereka perlulah mengosongkan rumah-rumah di bandar raya, dengan cara inilah kita harap boleh mampu untuk menyediakan rumah-rumah bagi penduduk di bandar raya yang bergaji rendah dan dengan cara ini kita haraplah turn-over dengan izin, kekosongan rumah itu akan dinaikkan dan apabila rumah-rumah ini dikosongkan, maka lain orang atau lain-lain penyewa boleh menggunakan rumah tersebut.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa ada setengah-setengah pemaju rumah seolah-olah melakukan penyelewengan terutama sekali rumah-rumah kedai di dalam bandar. Masih belum siap lagi, kalau kita tanya, dia kata rumah sudah habis, apatah lagi kalau kuota

bumiputera. Jadi, ini pernah berlaku di tiap-tiap kawasan di dalam bandar. Apakah tindakan yang patut diambil jika penyelewengan yang serupa itu berlaku oleh pihak pemaju rumah?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita memang sedar ada juga aduan yang kita terima terhadap masalah ini. Tetapi buat masa sekarang apabila kita siasat, kita rasa penyiasatan itu tidak dapat hasil yang baik kerana mereka yang membuat aduan ini tidak memberi maklumat yang cukup dan terperinci supaya kita boleh siasat. Dari segi dasarnya memang kita tidak galak pihak pemaju untuk membuat sedemikian, kerana kalau rumah-rumah itu sudah ditawarkan di pasaran, kita harap setiap tawaran itu akan diterima dari segi pembeli yang sebenarnya bukan untuk memberi satu gambaran yang tidak betul kepada pihak pasaran.

Saya haraplah kalau ada maklumat-maklumat yang terperinci bagi kes-kes ini, saya akan menjamin kita boleh memberi siasatan yang sepenuhnya terhadap pemaju yang melakukan begini.

Tuan Ibrahim bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini adalah ekoran dari pertanyaan sebentar tadi.

Saya ingin membuat satu gambaran di sini, bukan cadangan - gambaran untuk kuota bumiputera ini, khasnya bangunan kedai. Ini menjadi masalah, kalau pergi di tempat pemaju dia kata - habis (finish), sold-out, dengan izin, tetapi kalau kita pergi ke tempat yang tertentu seperti Kerajaan Tempatan dan sebagainya, dia kata masih ada lagi. Ini pertanyaan. Jadi, apa salahnya kalau pihak kementerian ini bersetuju supaya kuota bumiputera ini sama ada bangunan kedai ataupun perumahan diserahkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dengan pelaksanaan ini mungkin sedikit sebanyak dapat mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pembeli. Jadi, disimpan kuota

yang khas untuk bumiputera dan diagih, tidak payah kita pergi ke pihak pemaju, kita pergi dan tanya ada kosong lagikah, 'tidak ada', kalau ada kita bawa surat itu dan kita pergi ke tempat pemaju.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Saya rasa cadangan tersebut di mana diminta pihak kerajaan mengambil alih kedai atau rumah ini, walaupun satu perkara yang saya rasa tidak senang bagi pihak kerajaan untuk melaksanakan, tetapi kita boleh cuba mengkaji dan menimbang cadangan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita juga ada skim dan kita akan melancarkan dengan persetujuan pihak EPU, di mana kita akan membeli rumah-rumah kos rendah ini daripada pihak pemaju untuk disewa atau dijual lagi kepada pihak pembeli yang bergaji rendah. Skim ini kita haraplah dapat persetujuan daripada pihak EPU supaya kita boleh mengawal rumah-rumah yang ada, kadangkala diadukan kepada pihak pemaju, tidak jual semua rumah itu dan tidak memberi maklumat yang cukup dan ada juga pemaju yang mengatakan rumah-rumah yang siap itu tidak dapat dijual pula, bermacam-macamlah dia punya aduan. Jadi, rancangan ini kita haraplah dapat dilaksanakan dan akhirnya boleh sedikit sebanyak mengatasi masalah.

BUKU MENGENAI AJARAN KRISTIAN - TINDAKAN TERHADAP PENYELUDUPAN

7. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian terhadap penyeludup yang telah menyeludup 230 buah buku mengenai Ajaran Kristian yang berlaku di tambak Johor baru-baru ini; dan

- (b) apakah tindakan yang telah diambil kepada golongan Pendakwah Kristian yang bersungguh mengembangkan dakwah Kristiannya di negara ini yang mana kegiatan tersebut boleh memecahbelahkan keharmonian kaum di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejumlah 230 buah buku mengenai ajaran Kristian telah ditahan di Tambak Johor pada tahun lepas. Buku-buku tersebut bukannya diseludup masuk ke negara ini tetapi dibawa secara sah dan diisytiharkan kepada pihak Kastam. Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Johor telah merujuk kepada Kementerian Dalam Negeri untuk tapisan. Buku-buku tersebut masih di dalam kajian Kementerian Dalam Negeri.
- (b) Kementerian tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap golongan Pendakwah Kristian ini kerana gerakan mereka hanya tertumpu kepada penganut-penganut agama berkenaan dan dilakukan di gereja sahaja.

BERSEKEDUDUKAN BAGI RAKYAT BERAGAMA ISLAM - LANGKAH DIAMBIL

8. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah bersekedudukan di kalangan rakyat yang beragama Islam.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah bersekedudukan di kalangan orang Islam, kerajaan telah mengambil berbagai langkah, ia merangkumi aspek meningkatkan kesedaran keagamaan, meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada dan memperkuatkan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab mereka ke atas anak-anak mereka.

Kerajaan berpendapat langkah-langkah yang diambil oleh majikan umpamanya memperbanyakkan kelas-kelas agama di kalangan pekerja mereka adalah salah satu langkah yang amat berkesan. Ia adalah salah satu contoh dari berbagai-bagai langkah yang diambil oleh berbagai pihak terutama ke atas pekerja sektor swasta. Walau bagaimanapun, yang paling penting kesedaran individu terhadap dosa, maruah dan masa depan masing-masing dan perasaan malu adalah ubat yang paling mujarab bagi mengatasi masalah ini di samping peraturan dan penguatkuasaan undang-undang.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai 'bersekedudukan' ini, sama ada sesama Islam, yang ada sesama tidak Islam dan ada yang Islam dan tidak Islam. Soalan saya yang tidak Islam - dia punya fasal, yang sesama Islam ada peraturan-peraturan akta dan undang-undang tertentu, yang Islam dan tidak Islam, jika ditangkap dan disabit bagaimanakah tindakan keadilan kepada yang melakukan perkara yang sama tetapi, tindakan itu berbeza. Jadi, saya minta penjelasan atau pandangan iaitu apakah cadangan ke arah menyelesaikan masalah ini dari segi undang-undang atau cadangan kerajaan?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kalau tindakan yang kita ambil ini memanglah Islam sama Islam, tetapi ada juga di antara Islam dan bukan Islam. Memanglah setakat ini Undang-undang Islam itu dikenakan kepada orang Islam sahaja, kecuali kalau ada laporan khas orang yang bukan Islam, dia mestilah menggunakan civil law, inilah yang kita jalankan sekarang.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan, langkah-langkah yang telah pun diambil dan akan diambil. Tetapi yang saya hairan mengapa 'bersekedudukan' ini minat sangat oleh orang-orang yang berkenaan, adakah sebab tidak cukup rumah, adakah sebab pelajaran agamanya kurang dan adakah kerajaan membenarkan dan melayan orang-orang yang bukan Islam 'bersekedudukan', tidak adakah undang-undang untuk mengelakkan ini?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, masalah 'bersekedudukan' ini ataupun 'berkhalwat' berlaku memanglah di antaranya masing-masing mengikut nafsu, apatah lagi kalau 'bersekedudukan', 'berkhalwat' atau

melakukan perkara ini dengan orang yang ada milik, ertinya dia ada suamilah, sebab kadangkala dianggap kalau apapun berlaku tanggungjawabnya adalah suaminya ada. Yang pertama.

Yang kedua, benda yang tidak baik ini diibaratkan buah, kalau kita makan buah curi itu lebih sedap daripada buah yang kita dibeli, [*Ketawa*] wallahualam. Ada pepatah yang mengatakan begitu ‘stolen fruits are sweet’....

Seorang Ahli: ‘Sweeter’.

Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah: ‘sweeter’. Yes, ada yang tolong membantu saya. ‘Stolen fruits are sweetest’. Jadi, orang suka makan benda yang curi. Saya tidak tahu dengan sebab usaha mencuri itu dia dapat, jadi dia puas hati. Begitu juga perkara ini dengan keadaan benda yang macam ini dia dapat, dia rasa satu kepuasan kepada dia dan dia kata dialah ‘hero’ kerana mendapat benda ini dengan cara yang serupa itu.

Yang ketiga, manusia ini sifatnya banyak. Di antaranya malu. Malulah di antara perkara yang boleh menahan sesiapa pun baik Islam atau bukan Islam yang tidak melakukan perkara ini. Sebab itulah Nabi pernah bersabda yang bermaksud: Apabila sudah hilang perasaan malu, ayuh buatlah apa kamu suka. Jadi, yang membezakan manusia ini dengan bukan manusia, manusia dengan manusia adalah sifat malu itulah menjadi utama. Apabila manusia itu hilang maruah, tidak ada perasaan malu, maka bukan sahaja mereka itu bukan Islam sama bukan Islam, bukan Islam itu juga akan melakukan perkara ini kerana mereka telah hilang sifat-sifat sebagaimana saya nyatakan tadi.

Saya percaya kalau sekiranya perasaan keagamaan ditanam dengan baik, perasaan malu sentiasa ada di setiap orang, maka saya cukup percaya, perkara yang tidak baik ini tidak akan dilakukan oleh sesiapa pun sama ada dia Islam atau bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin.

Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 9.

SKIM CEPAT KAYA - TINDAKAN KEMENTERIAN

9. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran [dibawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada masih wujud skim cepat kaya dan jika benar sila nyatakan dari mana wujudnya skim tersebut sama ada dalam negeri ataupun didalangi oleh pihak luar negara dan apakah tindakan kementerian.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

[Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah menerima maklumat daripada orang ramai mengenai kewujudan beberapa skim cepat kaya yang beroperasi di dalam negeri dan juga yang berpangkalan di luar negara seperti di Jerman, Itali dan Thailand. Skim-skim ini menjanjikan pulangan yang tinggi apabila berjaya membawa lebih orang ramai menyertainya. Malah, pada ketika ini skim-skim sebegini duduk di tangga yang paling atas antara penyelewengan atau penipuan yang terdapat di dalam saluran Internet.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Jualan Langsung 1993, syarikat-syarikat tempatan yang ingin menjalankan perniagaan jualan langsung dikehendaki mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Lesen mereka akan ditarik balik sekiranya mereka mengubah operasi kepada jualan piramid yang diharamkan.

Mengenai skim-skim yang berpangkalan di luar negara pula, kementerian sedang menjalankan siasatan mengenai aduan yang diterima dan akan bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan bagi menangani masalah tersebut.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, setakat ini berapakah bilangan orang dan mangsa-mangsa yang terlibat dalam skim cepat kaya ini dan berapakah jumlah wang yang terlibat dan apakah tindakan yang dibuat ke atas, satu, skim cepat kaya yang satu masa dahulu melibatkan ramai orang rugi wang iaitu yang berpusat di Taiping? **Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, kalau syarikat disabitkan di dalam skim ini dan kalau dibuktikan, syarikat boleh didenda tidak melebihi RM250,000 bagi kesalahan pertama dan tidak melebihi RM500,000 bagi

kesalahan seterusnya. Bagi individu yang terlibat, denda ialah tidak melebihi RM250,000 atau dipenjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan seterusnya didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Mengenai bilangan mangsa, saya tidak mempunyai angka-angka dan mengenai tindakan-tindakan selain daripada tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di bawah Akta Jualan Langsung 1993, polis juga berhak untuk mengambil tindakan terhadap penyelewengan dan penipuan yang dilakukan oleh orang dalam negara kita. Jadi, polis pun ada angka-angka tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 30 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Datuk Osu bin Haji Sukam]:

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri mencadangkan bahawa Yang Berhormat Senator Dato' Michael Chen Wing Sum dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara *[Tepuk]*

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana seorang sahaja ahli yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan disokong, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(2) saya dengan ini mengisytiharkan bahawa Yang Berhormat Dato' Michael Chen Wing Sum dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. *[Tepuk]* Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Dato' Michael Chen Wing Sum mengambil tempat duduknya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara di dalam Dewan ini.

[Yang Berhormat Dato' Michael Chen Wing Sum diiringi oleh seorang Bentara ke tempat duduk yang dikhaskan]

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG NOTARI AWAM
(PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [28hb. Mei, 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong akan sambung semula tetapi dengan masa yang terhad sedikit.

Tuan Yim Chee Chong: Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Berapa lama terhad ucapan saya ini, satu jamkah, dua jam atau tiga jam? [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Kalau lima minit?

Tuan Yim Chee Chong: Lima minit tidak sempat, saya ingat sepuluh minit sampai lima belas minitlah saya ringkaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sepuluh minit, sepuluh minit.

Tuan Yim Chee Chong: Sepuluh minit boleh. Kalau sepuluh minit tidak selesai saya minta tambah lima minit. Lima belas minit. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada tawar menawar lagi, maaf.

Tuan Yim Chee Chong: Ya, tidak apa.

3.37 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Notari Awam 1959, seseorang notari awam yang dilantik tidak mengatakan tempoh perlantikannya. Ini mengikut pandangan saya adalah tidak sesuai kerana mengikut akta ini notari awam adalah for life, seumur hidup menjadi notari awam dan sekarang dengan pindaan yang dibentangkan di dalam Dewan Negara ini sekarang telah menetapkan tempoh

perlantikannya adalah selama dua tahun, kemudian sesudah kena dua tahun boleh minta supaya dilantik semula menjadi notari awam.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah cadangan pindaan yang baik. Kita harus menyokong pindaan ini, akan tetapi mengikut seksyen 3(2) yang berbunyi bahawa:

“No person shall be appointed to be a notary public unless he is a practicing advocate and solicitor of the Supreme Court.”

Ini adalah bermakna tidak ada orang yang boleh dilantik sebagai seorang notari awam melainkan beliau adalah seorang peguambela dan peguamcara di Mahkamah Agung.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, seseorang Commissioner for Oath ataupun Pesuruhjaya Sumpah tidak mempunyai apa-apa kelayakan - orang biasa boleh dilantik menjadi Commissioner for Oath akan tetapi notari awam dikhaskan peguambela dan peguamcara sahaja. Semalam saya ada berbincang masalah ini dengan beberapa orang sahabat saya, senator-senator dari MCA dan MIC juga, mereka berpendapat bahawa perlantikan ini bukan sahaja dihadkan kepada peguambela dan peguamcara. Orang yang berkelayakan, orang yang mempunyai education yang baik, orang yang mempunyai pengalaman boleh dilantik menjadi seorang notari awam.

Tuan Yang di-Pertua juga satu hari kalau minta pun boleh menjadi seorang notari awam. Tuan Yang di-Pertua berkelayakan lawyer saya ingat pun bolehlah secara automatik tetapi sesiapa kita yang bukan lawyer, saya lawyer saya boleh minta jadi hakim, ini bukan cakap bohong, boleh jadi hakim - Hakim Mahkamah Tinggi. Saya boleh minta jadi notari awam akan tetapi sahabat kita senator-senator di dalam Dewan yang mulia ini banyak orang yang bukan lawyer, tidak mempunyai kelayakan undang-undang tetapi mereka mempunyai semangat berkhidmat kepada negara kita ini. Mereka ingin ataupun minat menjadi notari awam [*Ketawa*] bukan tiket loteri - ini notari awam.

Kalau mereka yang berminat kita harus beri jalan kepada mereka. Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kalau minat menjadi notari awam, kita boleh beri jalan kepadanya. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak tanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada bersetuju atau tidak pandangan saya ini.

Beberapa Ahli: Setuju.

Tuan Yim Chee Chong: Setuju. Oleh hal yang demikian, saya harap satu hari kalau buat pindaan saya minta supaya senator, bekas senator ataupun senator yang ada sekarang boleh dilantik sebagai seorang notari awam.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kelakuan seseorang yang dilantik sebagai seorang notari awam adalah sangat mustahak. Macam Commissioner for Oath, adalah juga ada beberapa orang yang tidak begitu jujur dan ikhlas menjalankan tugas mereka. Saya mengetahui ada Commissioner for Oath sains dokumen, surat akuan ataupun affidavit-afidavit dan permit affidavit orang itu sudah mati, sudah lama mati. Dia kata pada berapa haribulan ada sains di depan saya, ini adalah tipu. Jadi, kalau kita melantik seseorang menjadi notari awam, maka kita harus timbang kelakuannya, orang itu harus bukan sahaja mempunyai kelayakan tetapi juga kelakuannya adalah baik.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pindaan ini adalah sesuai dan adalah membetulkan kelemahan Akta Notari Awam 1959, maka saya memohon menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

3.44 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun bukan untuk menyokong Tuan Yim Chee Chong untuk menjadi bakal calon notari awam tetapi saya ingin menyokong satu akta untuk meminda Akta Notari Awam 1959.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong pindaan ini saya ingin juga meminta sedikit penjelasan mengenai pindaan di sini. Pertama, apakah rasionalnya seseorang yang telah dilantik sebelum tarikh yang disebut di sini iaitu yang dilantik sehingga seumur hidupnya tetapi selepas berkuatkuasanya pindaan yang tersebut dalam tahun 1959 itu, dia akan hanya berkhidmat sehingga dua tahun sahaja. Soalan saya tadi, apakah rasionalnya dan bagaimana dan kenapakah kerajaan tidak membenarkan mereka yang telah dilantik seumur hidup itu sehinggalah tamat riwayat hidupnya kerana saya rasa mereka yang telah dilantik lebih awal itu adalah orang-orang yang senior ataupun lanjut dalam umurnya, oleh itu mengikut, dengan izin, law by average, tidak lama lagilah balik sudah, jadi apakah mereka ini tidak dibenarkan menjawat jawatan notari awam sehinggalah tamat riwayatnya kerana saya rasa saya pun hendak tanya di sini berapa banyakkah mereka dan berapakah umur mereka sekarang? Kalaulah ada just a few, dengan izin, dan umur mereka adalah lanjut, saya rasa adalah elok kalau kerajaan benarkan mereka bukan dua tahun selepas berkuatkuasanya pindaan ini, tetapi sehinggalah tamat riwayat hidupnya. Ini bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk memberi pengiktirafan atas jasa dan perkhidmatannya yang telah pun dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu dan meminta penjelasan itu, saya inginlah sekali lagi menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Kamilia.

3.46 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas. Saya hanya ingin menyentuh tiga perkara.

Yang pertamanya saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan iaitu untuk menetapkan tempoh masa had notary public ataupun notari awam. Ini adalah sesuai dan sejajar dengan kehendak kita untuk memastikan wujudnya pengawalan dan penyeliaan kepada tindakan-tindakan dan perilaku seseorang notari awam kerana dahulu, jikalau dahulu ianya tidak mempunyai tempoh masa dan ianya boleh menjadi seorang notari awam sepanjang hayatnya, maka kadangkala mungkin notari awam itu tidak dapat lagi dikesan kerana dahulunya Commissioner for Oath juga tidak juga diberi sekatan tempoh masa tetapi dipinda juga undang-undang untuk diberi sekatan masa. Cumanya kita perlulah memastikan bahawa dalam memperbaharui lesen notari awam itu, maka bolehlah ditetapkan bahawa notari awam itu telah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Rules Committee yang diperuntukkan di bawah Akta Notari Awam yang menentukan tentang yuran dan perilaku seseorang notari awam itu.

Yang keduanya ialah saya ingin menyentuh tentang pemilihan seseorang notari awam. Saya menyokong pandangan yang telah diberi oleh rakan saya Senator Yim tadi. Walau bagaimanapun, tidaklah terkhusus kepada senator-senator untuk menjadi notari awam kerana pada masa ini, seorang notari awam hanyalah boleh dilantik dari kalangan peguambela dan peguamcara. Hanya jikalau tidak terdapat seorang peguambela atau peguamcara, maka seorang pegawai awam, mengikut seksyen 2 Akta Notari Awam boleh dilantik sebagai seorang notari awam, itu pun sementara. Jadi, dalam kita menghadapi perkembangan ekonomi yang begitu luas dan juga kita tahu sekarang ini transaksi-transaksi di peringkat antarabangsa berkembang dan juga rakyat kita juga tidak kira penuntut ataupun mereka yang terlibat dalam perniagaan banyak keluar daripada negara, bukan hanya terhad kepada Malaysia tetapi telah menjelajah ke seluruh dunia.

Jadi, jikalau notari awam ini hanya dihadkan kepada satu-satu profesion, kemungkinan kita tidak dapat menentukan yang mereka yang juga sesuai dan mempunyai kelayakan dan kredibiliti boleh juga mampu dilantik sebagai notari awam sebab kita tahu notari awam hanyalah seorang yang mempunyai kuasa yang diberi oleh pihak kerajaan atau negeri untuk mentadbir sumpah dan untuk menyaksikan kesahihan tandatangan. Jadi, ini ialah hanya untuk mereka yang mempunyai kredibiliti, yang mempunyai kedudukan yang boleh dipercayai, saya percaya ianya berkemampuan untuk menjadi seorang notary public.

Yang ketiga ialah notary public ini perlulah, kalau boleh diperbanyakkan supaya memudahkan rakyat atau mereka yang mempunyai aktiviti-aktiviti dan transaksi di luar negara mendapat khidmat notary public. Kita tahu seorang peguambela atau peguamcara selalunya terlalu sibuk dan mungkin agak susah untuk kita dapat menghubungi mereka untuk mendapatkan tandatangan mereka dan kita tahu juga bahawa pengesahan kesahihan tandatangan ini perlulah dilakukan oleh notari awam itu sendiri. Tidaklah nanti terjadi di mana pengesahan itu ditandatangani oleh notari awam tanpa orang itu sendiri disaksikan menandatangani atau mengesahkan apa yang perlu disahkan oleh notari awam itu sendiri kerana kita tahu juga Commissioner for Oath sepertimana yang dikatakan oleh Senator Yim tadi, ada kalanya orang itu sudah mati tetapi disahkan oleh Commissioner for Oath.

Jadi, ini juga adalah kerana kadangkala memang susah juga kita mendapatkan Commissioner for Oath tetapi sekarang ini telah ramai yang telah dilantik dan kita dapati mereka di banyak tempat. Jadi, kalau kita dapat menentukan notari awam ini dapat ditentukan berada mengikut kawasan-kawasan tertentu ataupun zon-zon untuk kita dapat memastikan mudah untuk mendapat khidmat notari awam kerana kalau kita lihat dari

Commissioner for Oath memang sudah banyak kita dapat tetapi notari awam ini masih terhad dan

mungkin juga tidak ramai peguambela atau peguamcara juga yang berminat untuk menjadi notari awam ini kerana ianya adalah satu, walaupun ianya perkara yang mudah, hanya untuk menandatangani tetapi ianya memikul tanggungjawab yang berat kerana kalau tidak betul pengesahan ataupun tidak betul penyaksiannya, maka ianya boleh menyebabkan tanggungjawab yang berat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap cadangan-cadangan yang saya kemukakan itu seperti juga yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Yim itu akan mendapat perhatian kerajaan untuk kita sama-sama memastikan bahawa rakyat kita, orang-orang perniagaan yang banyak perlu menggunakan khidmat notari awam ini akan dapat kemudahan tersebut dengan mudah.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abdul Majid.

3.51 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan akta ini yang dinamakan Akta Notari Awam. Jadi, saya nampak bahawa bukan sahaja sebagaimana pandangan sahabat saya pilihan itu terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan sebagainya tetapi apa kata kebanyakan di antara orang awam yang telah pun menerima pingat JP di kampung-kampung, beliau juga patut kita memberikan kemudahan untuk mendapatkan

lesen tersebut kerana beliau telah diberikan pingat JP iaitu Jaksa Pendamai. Kadangkala ada juga yang kita mengesahkan tandatangan, pengesahan surat-surat kerajaan dan sebagainya gunakan JP sahaja. Tetapi, kalau mereka ini kita berikan kemudahan, kalau ada yang memohon untuk menjadi notari awam ini patut juga kita menerima dan juga bagi bekas-bekas penghulu penggawa, pengalaman duduk di mukim-mukim, di kampung-kampung juga patut kita memberikan kemudahan, memberikan lesen kepada mereka.

Satu perkara yang saya hendak ingatkan supaya kedudukan mereka ini yang menjadi notari awam ini supaya tempat mereka duduk itu biarlah keadaan yang elok, jangan di bawah-bawah pokok atau di sudut-sudut yang tidak menentu keadaannya, kalau boleh biarlah ada tempat seumpamanya pejabat kecil ataupun kedai atau tempat yang sesuai, menarik dan yang nampak dipercayai oleh orang ramai, ada dengan kedudukan meja dan sebagainya - kelengkapan yang patut. Jadi, tidak bolehlah kita letakkan di tempat-tempat yang tercemar. Kadang-kadang di bawah pokok dan sebagainya, sana sini tandatangan, jadi tidak menentu keadaan. Jadi, biarlah tempat itu menentu dan elok pandangan dan diyakini oleh orang ramai.

Jadi, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokonglah rang undang-undang ini. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila jawab.

3.55 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan saya mengambil kesempatan mengucapkan

tahniah di atas perlantikan Dato' Yang di-Pertua sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Senate.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan-soalan ataupun perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Pertama sekali Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong. Dia meminta supaya notari awam ini dibuka kepada semua ahli masyarakat yang berwibawa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita mempunyai satu amalan di mana dalam amalan ini notari awam ialah untuk mengesahkan dokumen-dokumen bertaraf antarabangsa. Kita tidak menggunakan notari awam untuk mengesahkan dokumen-dokumen hanya untuk dalam negara. Notari awam

digunakan untuk mengesah bagi transaksi-transaksi antarabangsa. Misalnya, kalaulah sebuah syarikat besar di negara Jepun, dia mahu mendapat maklumat yang terperinci mengenai sebuah syarikat tempatan, maka dokumen-dokumen mengenai syarikat tempatan - segala apa yang sulit dan menjadi confidential dalam syarikat itu dan syarikat berkenaan hendaklah disahkan oleh seorang notari awam bagi transaksi antarabangsa. Notari awam tidak digunakan untuk dalaman negara.

Jadi, mengikut amalan dalam negara antarabangsa, orang-orang yang diiktirafkan adalah mereka yang berpengalaman sebagai peguam dan dalam undang-undang kita, kita mensyaratkan paling kurang pengalamannya lima belas tahun. Jadi, mereka ini setelah berkhidmat selama lebih lima belas tahun, barulah dianggapkan mereka ini amat berpengalaman, itu pun kita pertentukan bahawa bidang-bidang mereka merangkumi bidang-bidang banking, kewangan, di bidang komersial di mana transaksi kita meluas,

bidang-bidang berkaitan dengan perkapalan, undang-undang perkapalan, perlantikan agensi-agensi insurans untuk hendak mengesahkan insurance claims dan sebagainya.

Maka, oleh kerana dokumen-dokumen itu berbentuk teknikal dan banyak yang perlu diperhati dan diteliti, maka mereka yang hanya berpengalaman dalam bidang-bidang ini diberi pertimbangan. Jadi, adalah tidak wajar kalau di negara kita membenarkan sesiapa sahaja walaupun berwibawa tetapi tidak ada pengalaman dan kalau pun kita lantik orang-orang yang bukan peguam tetapi tidak diiktirafkan oleh negara-negara lain, maka kewibawaan negara kita sendiri akan tercemar.

Penting sekali, Ahli-ahli Yang Berhormat ialah pada masa ini Malaysia sudah menjadi pedagang global. Negara kita menjadi negara yang ketujuh belas paling besarnya perniagaan di dunia. Perdagangan kita lebih besar daripada India, lebih besar dari Australia, maka Malaysia bergantung hidup dari segi kemakmuran berlandaskan kepada kepentingan perniagaan, maka banyak dokumen-dokumen yang perlu disahkan oleh notari-notari awam dan kalau kita kawal selia standard yang tinggi dari segi yang kita cadangkan dalam undang-undang kita, maka kewibawaan negara kita tidak akan dipersoalkan.

Juga dengan sekali gus saya menjawab saranan Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong supaya senator-senator dan bekas-bekas senator juga diberi pertimbangan. Dengan jawapan itu, kalaulah bekas senator atau senator seorang peguam yang berpengalaman dan berkelulusan peguam, itu saya rasa boleh dibuat permohonan dan saya rasa mengikut pengalaman dan apa sahaja yang diperhatikan ataupun disiasat oleh Peguam Negara, kemungkinan Yang Berhormat boleh dipertimbangkan kalau Yang Berhormat seorang peguam.

Mengenai saranan Yang Berhormat Tuan Ding Seling, saya rasa jawapannya telah diberi oleh Yang Berhormat Senator Kamilia di mana sebenarnya Yang Berhormat, mulai tahun 1980 akta ini dipinda walaupun dikuatkuasakan dalam tahun 1991 tetapi apabila dikuatkuasakan mereka yang baru dilantik atas masa tempoh dua tahun yang pertama, kemudian selepas tempoh dua tahun baru dilanjutkan, maka pada ketika ini ada dua sistem di mana satu yang dilantik selepas tahun 1991 dan satu lagi dilantik sebelumnya.

Maka kita hendak menyelaraskan dan dengan penyelarasan ini Yang Berhormat Senator Puan Kamilia mengatakan adalah satu kawalan selia yang baik yang kita boleh mengawal mutunya, we have to have some quality control, supaya mereka yang nyanyuk, minta maaf, kalau seorang peguam itu begitu hebat masa dia muda, begitu pintar, begitu berwibawa, tetapi apabila sudah sampai umur 80 tahun, 90 tahun, ada yang sudah tidak ingat lagi. Saya mempunyai emak saudara yang umurnya 90 tahun, dia bertemu muka saya pada kali pertama dia tidak kenal, saya beritahu nama saya, dia ingat, 5 minit pula saya bertemu dia tanya siapa ini pula? Jadi, kita tidak mahu notari awam yang lupa. Jadi, mungkin kalau dia sudah begitu tua, sudah nyanyuk dan masih lagi menjadi notari awam, ada pihak-pihak yang mengambil peluang dan mungkin berlaku gejala penipuan. Kita hendak negara kita mempunyai satu sistem yang boleh dipercayai oleh dunia dan haruslah kita mempunyai satu sistem yang ketat, satu standard yang tinggi.

Dari segi bilangan, Yang Berhormat Senator Puan Kamilia mencadangkan diperbanyakkan. Untuk jawapan, ingin saya maklumkan bahawa pada ketika ini kita sudah mempunyai bilangan yang banyak. Mengikut angka yang ada pada saya, jumlahnya sudah sampai lebih daripada 111 dan ada lagi yang telah memohon dan belum dijawab lebih kurang 84 lagi. Bermaknanya, kalau semuanya diluluskan bermakna hampir 200 orang. Jadi, setiap bandar, setiap kawasan, setiap daerah diliputi oleh notari

awam, maka setakat ini tidak ada masalah dari segi bilangan. Pihak Peguam Negara akan mengambil perhatian dari masa ke semasa, kalaulah perlu, bilangan ini akan ditambah.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba meminta supaya JP dan sebagainya diberi pertimbangan. Saya rasa jawapan sudah diberi mengenai kita perlu kontrol kualitinya dan sebab apa kita perlu mereka yang berkelulusan undang-undang dan berpengalaman 15 tahun ke atas sahaja, kita pertimbangkan berdasarkan bahawa kita perlu mereka yang betul-betul mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang mendalam. Kita tahu banyak JP yang dilantik walaupun berwibawa tetapi pengalaman dan exposure kepada perundangan yang saya sebutkan tiga bidang tadi mungkin tidak ada. Jadi, adalah lebih wajar kita melantik mereka yang kita betul-betul percaya tidak akan mencemarkan imej negara. Jadi, tidak timbul juga sama ada mereka bertugas duduk di bawah pokok dan sebagainya oleh kerana kebanyakan notari awam yang kita lantik adalah peguam-peguam yang sudah berjaya dan mereka mempunyai pejabat-pejabat yang agak selesa dan hebat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahaja yang dapat saya menjawab ikutan daripada perbahasan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH JENGA (PEMBUBARAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.08 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bernama suatu Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pembubaran) 1997 adalah bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983 untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka yang ditubuhkan di bawah akta itu, untuk memindah milik semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pembubaran Lembaga Kemajuan Wilayah bermula pada tahun 1993 apabila kerajaan memutuskan supaya semua Lembaga Kemajuan Wilayah kecuali KESEDAR dan PERDA dibubarkan. Walau bagaimanapun, selepas mengkaji dan meneliti pelbagai aspek yang berkaitan, pada 16hb. Oktober, 1993 kerajaan telah memutuskan supaya 3 LKW sahaja dibubarkan dan salah satunya ialah Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka. Selepas pembubaran, semua fungsi dan tugas LKW berkenaan diserahkan kepada badan-badan Persekutuan, pentadbiran negeri atau diswastakan.

Faktor utama yang membawa kepada keputusan pembubaran tersebut ialah kerana kerajaan berpendapat bahawa peranan-peranan asas pembangunan khususnya dari segi 'reopening up at the frontier' dan meningkatkan pembangunan dan kesejahteraan rakyat

di kawasan *in-situ* telah berjaya dan dilaksanakan. Ini bermakna baik kerja-kerja atau fungsi pembangunan di kawasan LKWJ adalah pada scale yang jauh lebih kecil berbanding dengan peringkat awal penubuhannya.

Faktor-faktor lain yang telah diambil kira oleh pihak kerajaan semasa membuat keputusan untuk membubarkan LKWJ dan juga agensi-agensi LKW lain ialah:

- (i) kemampuan yang meningkat di kalangan kerajaan-kerajaan negeri dari segi kemahiran dan tenaga kerja untuk membangunkan negeri masing-masing serta mengambil alih fungsi-fungsi LKW; dan
- (ii) sektor swasta lebih bersedia untuk memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pembangunan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, LKWJ yang telah ditubuhkan pada tahun 1983 adalah meliputi kawasan seluas 196,728 hektar dan termasuk dalam empat daerah iaitu Maran, Jerantut, Temerloh dan Bera. Bagi menjalankan fungsi-fungsi LKWJ mempunyai organisasi pentadbiran yang diketuai oleh seorang Pengurus Besar yang bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah. LKWJ mempunyai 126 anggota yang terdiri daripada 4 orang golongan Pengurusan dan Profesional dan 117 orang Kumpulan Sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perundangan LKWJ telah ditubuhkan melalui Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983, Akta 285. Oleh itu, bagi tujuan pembubarannya, maka suatu akta perlu digubal untuk membolehkan urusan mengambil alih tugas-tugas, fungsi-fungsi dan kewangan serta aset LKWJ oleh badan-badan Persekutuan atau negeri atau pihak swasta dapat dilaksanakan. Akta ini akan memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983 yang ada dan serentak dengan itu Lembaga yang ditubuhkan di bawah akta penubuhan itu dibubarkan.

Peruntukan-peruntukan utama yang terkandung dalam rang undang-undang ini ialah Fasal 3. Fasal ini memperuntukkan kuasa pemansuhan akta penubuhan dan pembubaran Lembaga.

Fasal 4 memperuntukkan bahawa segala kuasa, hak keistimewaan, tugas, liabiliti dan obligasi yang sebelum ini diperuntukkan kepada Lembaga diturunkan kepada kerajaan.

Fasal 5 menjelaskan bahawa semua tanah termasuk harta alih dan tak alih dan aset-aset lain yang terletak kepada LKWJ akan terletak kepada kerajaan.

Fasal 6 memperuntukkan bahawa semua wang yang ada pada atau kena dibayar kepada Lembaga dipindah dan terletak kepada kerajaan.

Fasal 7 memperuntukkan bagi penguatkuasaan segala kontrak yang sedia ada oleh atau terhadap kerajaan sebagai menggantikan LKWJ.

Fasal 8 peruntukan bagi meneruskan prosiding undang-undang oleh/atau terhadap kerajaan bagi menggantikan LKWJ juga dinyatakan dalam rang undang-undang ini. Dengan itu, semua prosiding perundangan yang sebelum ini adalah atas LKWJ akan diteruskan terhadap kerajaan, termasuk rayuan ke atasnya.

Fasal 9 memperuntukkan bagi penerusan semua undang-undang bertulis, termasuk perundangan subsidiari, yang menyentuh atau melindungi Lembaga dengan mentafsirkan sebutan-sebutan mengenai Lembaga sebagai sebutan-sebutan mengenai kerajaan.

Fasal 10 memberi kuasa kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar untuk membuat perintah bagi maksud menghapuskan apa-apa kesukaran yang timbul berkaitan dengan pelaksanaan akta yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa walaupun LKWJ akan dibubarkan, tetapi pembangunan di kawasan berkenaan akan diteruskan demi kepentingan

penduduk tempatan, kumpulan sasar dan sumbangan ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Oleh itu, pihak kerajaan akan memastikan bahawa fungsi-fungsi yang dijalankan oleh LKWJ selama ini akan diteruskan oleh agensi-agensi lain sama ada agensi Kerajaan Persekutuan, negeri mahupun swasta. Untuk tujuan ini, peruntukan pembangunan untuk kawasan tersebut akan terus disalurkan melalui saluran yang ditetapkan berdasarkan peraturan ataupun perundangan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, pembubaran LKWJ ini pastinya akan melibatkan kakitangan yang kini sedang berkhidmat. Usaha-usaha yang berterusan sedang dijalankan untuk menempatkan atau mengagihkan mereka kepada mana-mana agensi yang sesuai sama ada agensi kerajaan mahupun swasta sebelum berkuatkuasanya pembubaran ini. Di samping itu, pihak kerajaan dan pengurusan LKWJ sendiri telah memberi bantuan dan sokongan yang kuat kepada mana-mana kakitangan yang membuat permohonan untuk mendapatkan jawatan mana-mana agensi yang mereka rasakan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983, untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka yang ditubuhkan di bawah akta itu, untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan.

4.18 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan ucapan saya, izinkan saya sebagai ahli Dewan Negara yang pertama peluang berucap selepas Yang Berhormat Dato' dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua, saya dengan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Michael Chen Wing Sum yang telah pun dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin Tuan Yang di-Pertua, pembubaran Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka iaitu Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pembubaran) 1997 ini memberi makna yang besar kepada saya sebab saya datang daripada Pahang dan Wilayah Jengka ini ramai penduduknya yang datang daripada kampung saya sendiri dan mereka masih lagi tinggal di situ sebagai peneroka, sebagai ahli perniagaan.

Saya tidak tahu apa hendak diperkatakan pada hari ini, adakah patut saya ucap tahniah kepada kerajaan kerana hendak membubarkan dan mengambil alih harta-harta yang teralih dan yang tidak teralih ataupun saya berasa dukacita berkenaan dengan pembubaran ini. Tetapi ini adalah satu lumrah alam menengokkan kepada keadaan-keadaan semasa, kemungkinan sampai masanya LKWJ yang telah pun ditubuhkan pada 1hb. Ogos, 1983 di bawah Akta 285, Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka yang menggantikan Enakmen 1071 Perbadanan Kemajuan Jengka dahulu.

Kalau saya perhatikan apabila saya balik daripada Kuantan ke Benta melalui potongan Bandar Jengka, pembangunan yang ada tidak boleh dinafikan. Di sana ada hospital baru, di sana ada sekolah menengah baru, ada kedai-kedai dan warung. Kawasan ini sepertimana kata oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi mengandungi empat

daerah iaitu Maran, Temerloh, Jerantut dan Mentakab - kawasan Parlimennya, dan daerahnya ialah Maran, Temerloh, Jerantut dan Bera. Rancangan FELDA mengandungi 64% kawasan ini. Kampung tradisinya 30% dan Bandar Jengka sendiri adalah 6%. Lebih 95% penduduk di kawasan Wilayah Jengka ini terdiri daripada orang Melayu.

Saya tidak faham mengapa kawasan Wilayah Jengka dan Pahang Tenggara yang saya tahu, saya tidak hendak menyebut berkenaan dengan KESEDAR dan FELDA, mengapa kawasan ini dari segi industri, dari segi perniagaannya, dari segi ekonominya tidak maju kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan industri lain. Adakah sebab kawasan ini terpencil, adakah sebab kawasan ini pedalaman, tetapi jalan raya besar sampai ke kawasan ini tetapi kawasan ini tidak begitu maju dan tidak sampailah hakikat kerajaan untuk memajukan sepenuhnya kawasan ini. Lihat Pahang Tenggara, penduduknya tidak cukup. Lihat kedai-kedai, semuanya kalau kita katakan 'hidup segan, mati tak mahu', satu statement yang saya tidak begitu suka mendengar. Saya lebih suka mendengar 'hidup selesa, mati jauh sekali'.

Tuan Yang di-Pertua, pembubaran ini dan pengambilan kawasan ini oleh kerajaan yang akan ditentukan nanti kepada agensi-agensi yang lain, kerajaan negerikah, belum lagi ditentukan. Yang menjadi tanda tanya sekarang ini, apa akan jadi kepada kakitangan dan pekerja-pekerja yang ada sekarang ini di Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka? Mereka ini tidak dapat diserapkan dalam mana-mana kenaikan perkhidmatan dan mereka ini akan disarakan di bawah seksyen 10(3)(b) Akta Pencen. Saya bimbang sebab 31% menerima pencen kurang daripada RM400 dan 37% menerima pencen di bawah RM200. Ini bermakna 65% akan berada di paras kemiskinan dan 37% di bawah paras termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada kakitangan ini telah pun membeli rumah, membeli kereta, ada kereta Proton, ada kereta yang telah dipakai (secondhand),

termasuk rumah dan mereka membeli ini dengan pinjaman kerajaan ataupun pinjaman-pinjaman bank. Jadi, untuk membayar balik pinjaman-pinjaman ini tidaklah cukup dengan bayaran pencen yang ada itu, mereka terpaksa mencari punca-punca lain. Mereka ini telah pun mempunyai anak-anak dan rumah di kawasan ini dan mereka ini hendaklah ditempatkan baikpun di jabatan kerajaan mahupun tempat mencari rezeki di kawasan Wilayah Jengka ini. Mereka tidak hendak pindah ke Kuala Lumpur sebab di sana ada sekolah, kebanyakan mereka hendak hantar anak-anak ke sekolah di Jengka itu juga.

Saya difahamkan pengurusan telah pun mencadangkan supaya penswastan melalui Management Buy-Out (MBO), dengan izin, dibuat. Semuanya kakitangan, saya difahamkan, ada 116 dan 70 barangkali boleh masuk ke dalam MBO ini. Perkara asasnya iaitu pegangan ahli-ahli MBO ini adalah untuk meneruskan kesinambungan pembangunan terutama sekali di Bandar Jengka. Saya tidak tahu apa yang lebih baik daripada Management Buy-Out. Apabila mereka ini diberi peluang untuk mengendalikan kawasan Wilayah Jengka ini, kemungkinan risiko-risiko yang berat yang dihadapi oleh mereka ini dapatlah dikurangkan.

Saya sukacita mendengar bahawa pembangunan di Jengka ini akan diteruskan selepas pembubaran ini. Ini adalah satu jaminan oleh pihak kerajaan yang saya terima. Saya harap cadangan dan janji kerajaan ini akan dapat diteruskan.

Saya harap juga pembangunan Bandar Jengka dan di sekitarnya, khususnya dalam sektor perumahan yang sekarang ini nampaknya banyak yang naik tetapi lambat sedikit siapnya sebab saya dapati rumah dekat Rest House Jengka ini, yang di bawah itu - Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad bin Abdullah (Ahli Parlimen Maran) tahu, saya dapati lambat sedikit siapnya, sebab saya selalu lalu di situ seperti juga Ahli Parlimen. Tetapi walaupun saya tidak menjadi Ahli Parlimen Jengka, selalu memperhatikan pembangunan-

pembangunan di situ, tetapi sayang sekali pembangunannya lambat sedikit, sudah dekat 25 tahun rasanya wilayah ini diwujudkan, begitu juga dengan Rumah Rehat (Rest House) itu jarang dikunjungi oleh orang, yang lalu pun berhenti sekejap sahaja, saya pun ada juga pernah berhenti di situ. Dan di kedai-kedai itu, jalan rayanya di bawah, kedai di atas.

Saya mempersoalkan dahulu mengapa buat kedai ini di atas dan jalan raya di bawah? Memang jadi kecenderungan (tendency) orang kita apabila mereka berjalan, mereka hendak berhenti kereta dekat dengan kedai. Kalau kedai itu jauh, kedai itu tidak akan disinggahnya. Tengok yang berlaku di Jengka itu, saya jarang singgah di kedai Bandar Jengka yang dinamakan, hanya terus, kalau berhenti pun di warung-warung di tepi jalan yang ada menjual buah-buahan ini.

Jadi, yang penting sekali sekarang ini ialah kita hendakkan perumahan diteruskan, perdagangan dimajukan lebih lagi dari apa yang ada hari ini dan industri-industri hendaklah dipertingkatkan di kawasan yang istimewa ini dan janganlah hendaknya kita mengorbankan khususnya kepentingan orang Melayu di Wilayah Jengka.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut sedikit amnya fungsi LKWJ ini supaya kerajaan ingat bahawa fungsi-fungsi ini mestilah diteruskan, pembangunan bandar pusat perkhidmatan telah pun ada tetapi tidak begitu memuaskan, pembangunan kampung tradisi dan pusat pertumbuhan desa telah pun ada, ada surau, ada masjid, tetapi keadaan jagaannya masih tidak memuaskan juga lagi, pembangunan kemudahan asas telah pun ada, dari masa ke semasa kita kena tingkatkan pembangunan sosial dan institusi-institusi sedang berjalan, pembangunan rakyat termiskin sedang dijalankan oleh wakil rakyatnya yang saya sanjung tinggi dan saya ucap tahniah sebab kerja begitu kuat untuk bersama-sama membangunkan penduduk-penduduk di Wilayah Jengka ini dan ada kerajaan tempatan, inilah perkara yang patut diteruskan.

Saya berdoa dan berharap satu masa nanti Wilayah Jengka yang kita bubar ini, yang akan diambil alih oleh agensi kerajaan ataupun NGO ini akan bertambah maju seperti juga wilayah-wilayah lain yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong pembubaran ini untuk kebaikan wilayah ini, saya harap. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

4.32 ptg.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya lanjutkan ucapan, saya juga ingin ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum kerana telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong pembubaran rang undang-undang ini iaitu menyokong Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983 untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa sebelumnya rang undang-undang untuk memansuhkan LKWJ ini dibuat, saya yakin bahawa pihak kerajaan dan juga pihak kerajaan negeri, kerajaan wilayah seterusnya lembaga sendiri telah pun membuat kajian ujikaji ataupun melihat dengan begitu teliti apakah kesannya pemansuhan ini nanti. Ini termasuklah kepada mereka yang bekerja di situ sebagai kakitangan lembaga, termasuk juga mereka yang tinggal di tempat-tempat berkenaan.

Oleh yang demikian, saya rasa kesan yang buruk terhadap keadaan sosio ekonomi mereka yang terlibat akan diambil kira dan juga akan dijaga supaya jangan lebih buruk lagi seperti yang sudah pun dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi.

Saya sebenarnya, hendak mengingatkan pihak kerajaan dalam aspek ini sahaja iaitu mengenai kakitangan kerana pernah juga dalam beberapa kes sebelum ini saya tidak sebutkan kes yang terperinci di mana jika ada pembubaran sesuatu lembaga, ada juga pihak tertentu dalam kakitangan dalam lembaga itu ataupun organisasi berkenaan yang tidak diambil kira dengan sepatutnya, walaupun kerajaan ataupun pihak atasan atau pihak autoriti berkenaan yang bertanggungjawab sudah pun membuat perkiraan tetapi ada juga yang terkeluar daripada perkiraan mereka. Oleh yang demikian, ada yang menjadi mangsa pertukaran itu.

Saya berharap perkara begitu adalah dikurangkan khususnya mereka yang sudah pun mempunyai tanggungjawab dari segi kewangan sekiranya pertukaran ini berlaku nanti, janganlah mereka memikul tanggungjawab yang begitu berat sehingga menjadi susah dalam keluarga sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin juga bertanya sedikit, biasanya kalau sesuatu organisasi itu boleh dikorporatkan dan seterusnya boleh diswastakan. Saya kurang arif ataupun kurang termaklum mengenai Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka ini sama ada ini boleh dikorporatkan dan seterusnya diswastakan terus tanpa diambil alih oleh kerajaan ataupun tidak. Saya sebut perkara ini, oleh kerana dalam penjelasan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tadi semua tanggungjawab termasuklah proses undang-undang, tuntutan dan sebagainya akan diambil alih oleh kerajaan nanti apabila berkuatkuasanya rang undang-undang ini.

Saya tidak tahu apakah dia proses rang undang-undang, tuntutan dan sebagainya yang ada, adakah ini akan menjadi satu perkara yang begitu berat oleh kerajaan ataupun di sebaliknya dan adakah ini akan merugikan kerajaan ataupun ini akan merugikan pihak-pihak yang terlibat di situ di Jengka ataupun sebaliknya.

Oleh yang demikian, saya ingin cadangkan kalau boleh dilihat sekali lagi bagaimanakah peralihan atau pemansuhan ini boleh dilakukan agar tidak ada kesan-kesan yang tidak diingini boleh berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya ingin sekali lagi menyatakan sokongan saya kepada rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

4.39 ptg.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan juga Yang Berhormat Tuan Ding Seling, apabila saya bantangkan akta ini, saya telah menerangkan dengan secukupnya tentang tujuan kerajaan membubarkan lembaga ini. Perkataan pembubaran itu mungkin nampaknya tak sedap. Tetapi kita hanya pindah daripada lembaga itu ke kerajaan.

Pembangunan di kawasan LKWJ berkenaan akan diteruskan, jangan bimbang, Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang penyayang. Oleh sebab itu, kita tidak sekali-kali mengabaikan tanggungjawab terhadap kakitangan ataupun peneroka ataupun penduduk-penduduk di kawasan itu. Kita selama 11 tahun kita telah cuba melalui undang-undang ini. Zaman telah berubah dan kita tidak mahu lembaga-lembaga kecil menjalankan aktiviti untuk membangunkan kawasan itu, oleh sebab itu, kerajaan pada asalnya kita pindah hakmilik dan bawa ke kerajaan negeri ataupun Kerajaan Pusat. Dan satu masa nanti mungkin akan diswastakan untuk mempercepatkan pembangunan di semua lembaga. Oleh sebab itu saya dalam ucapan saya tadi, saya telah menerangkan, oleh sebab itu ada sedikit boleh dikatakan dalam bahasa Inggeris, dengan izin, suspect.

Oleh sebab itu, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki pun ada membangkitkan perkara berkaitan dengan kakitangan. Kerajaan tidak mengabaikan, kita akan memberi peluang kepada mereka untuk masuk dalam lain-lain agensi tempatan ataupun kita akan menganjurkan dan kita sudah pun menganjurkan kursus-kursus perniagaan untuk mereka, untuk mereka menceburi diri dalam arena perniagaan.

Tuan Ding Seling: *[Bangun]*

Dato' K. Kumaran: Okay, Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak katakan bahawa sebagai Ahli Dewan Negara ini, kita hanya hendak menegaskan bahawa apa yang kerajaan ingin buat itu akan juga diingati ataupun yang saya hendak sebut tadi, saya ingin juga Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjelaskan semula supaya apa yang dikatakannya dalam penjelasannya tadi ditegaskan supaya kita semua ingat perkara itu supaya tidak ada yang terkilan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, selepas pembubaran kerajaan akan menggunakan pendekatan baru, sepertimana yang telah saya terangkan tadi, termasuk menjemput pihak swasta untuk membangunkan kawasan itu. Peranan LKWJ ini akan diserahkan kepada jabatan-jabatan kerajaan negeri, agensi-agensi Kerajaan Pusat dan sebagaimana masih di dalam tanggungjawab KPLB.

Yang Berhormat Senator Tuan Ding Seling telah membangkitkan perkara tanggungjawab sosial dan sepertimana saya katakan, kita ada banyak agensi akan mengambil alih tugas-tugas yang dijalankan oleh LKW ini, umpamanya jalan raya akan diambil alih oleh JKR dan lain-lain perkara akan ditanggung oleh Majlis Daerah dan bekalan air akan diambil alih oleh Lembaga Bekalan Air dan lain-lain agensi akan mengambil alih segala tugas-tugas yang lain.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki telah membangkitkan perkara berkaitan dengan perkampungan tradisional dan lain-lain perkara seperti perkara PPRT. Kementerian saya akan secara langsung dan tidak langsung akan terlibat dalam menangani masalah PPRT di semua kawasan LKW yang akan dibubarkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang lain dan pandangan ataupun teguran yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, kementerian ataupun pegawai-pegawai akan mengambil kira apabila pembubaran dibuat kelak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-rundang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[**Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa***].

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (PEMBUBARAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.46 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pembubaran) 1997 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pembubaran) 1997 adalah bagi

memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pembubaran Lembaga Kemajuan Wilayah bermula pada tahun 1993 apabila kerajaan memutuskan supaya semua LKW kecuali KESEDAR dan PERDA dibubarkan. Walau bagaimanapun, selepas mengkaji dan meneliti pelbagai aspek yang berkaitan, pada 16hb. Oktober 1996 kerajaan telah memutuskan supaya tiga LKW sahaja dibubarkan dan salah satunya adalah Lembaga Kemajuan Johor Tenggara. Selepas pembubaran, semua fungsi dan tugas LKW berkenaan diserahkan kepada badan-badan Persekutuan, pentadbiran negeri atau diswastakan.

Faktor utama yang membawa kepada keputusan pembubaran tersebut ialah kerana kerajaan berpendapat bahawa peranan-peranan asas pembangunan khususnya dari segi 'reopening up of the frontier' dan meningkatkan pembangunan dan kesejahteraan rakyat di kawasan *in situ* telah berjaya dilaksanakan. Ini bermakna, baki kerja-kerja atau fungsi pembangunan di kawasan KEJORA adalah pada skel yang jauh lebih kecil berbanding dengan peringkat awal penubuhannya. Faktor-faktor lain yang telah diambil kira oleh pihak kerajaan semasa membuat keputusan untuk membubarkan KEJORA dan juga agensi-agensi LKW lain ialah wujudnya timbal tindih di antara fungsi-fungsi LKW dengan kegiatan jabatan agensi yang lain.

Sektor swasta lebih bersedia untuk memainkan peranan yang berkesan dalam pembangunan negeri dan kemampuan yang meningkat di kalangan kerajaan-kerajaan negeri dari segi kemahiran dan tenaga kerja untuk membangunkan negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, KEJORA telah ditubuhkan pada 1hb. Jun 1972 melalui Akta 75, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan pembangunan di bawah Wilayah KEJORA. Bagi melaksanakan tanggungjawab, KEJORA telah menjalankan beberapa fungsi iaitu memaju, menggalak, membantu dan mengusaha pembangunan ekonomi, sosial dan tempat tinggal serta mengawal, menyelaraskan aktiviti-aktiviti tersebut di bawah wilayahnya.

Objektif KEJORA bertujukan kepada tiga perkara, iaitu mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi.

Wilayah KEJORA mempunyai kawasan seluas 303,518 hektar atau 16% daripada keluasan negeri Johor. KEJORA mempunyai dua wilayah kecil, iaitu wilayah Johor Tenggara dan wilayah Penggerang yang merangkumi dua daerah, Kota Tinggi dan Kluang. KEJORA juga mempunyai tiga kawasan Parlimen dan lima kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu Kota Tinggi, Kluang dan Tenggara bagi Parlimen manakala Sedili, Penggerang, Gunung Lambak, Panti dan Mengkibul bagi DUN.

Dari segi pentadbiran KEJORA ditadbirkan oleh sebuah lembaga pengarah yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Pengurusan KEJORA pula diketuai oleh pengurus besar dengan dibantu oleh dua timbalan pengurus besar dan lapan pengurus bahagian. KEJORA mempunyai seramai 427 anggota yang terdiri daripada 33 orang kumpulan pengurusan profesional serta 394 orang daripada kumpulan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perundangan KEJORA telah ditubuhkan melalui Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972. Oleh itu, bagi tujuan pembubaran, maka satu akta baru perlu digubal untuk membolehkan urusan mengambil alih tugas-tugas,

fungsi-fungsi dan kewangan serta aset KEJORA oleh badan-badan Persekutuan atau negeri atau swasta dapat dilaksanakan. Akta ini akan memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 yang ada dan serentak dengan itu lembaga yang ditubuhkan di bawah akta penubuhan itu dibubarkan. Peruntukan utama yang terkandung dalam rang undang-undang ini ialah:

Fasal 3. Fasal ini memperuntukkan kuasa pemansuhan akta penubuhan dan pembubaran lembaga.

Fasal 4 memperuntukkan bahawa segala kuasa, hak keistimewaan, tugas, liabiliti dan obligasi yang sebelum ini diperuntukkan kepada lembaga diturunkan kepada kerajaan.

Fasal 5. Fasal ini menjelaskan bahawa semua tanah termasuk harta alih dan tak alih dan aset-aset lain yang terletak pada KEJORA akan perletakhak kepada kerajaan.

Fasal 6, memperuntukkan bahawa semua wang yang ada pada atau kena dibayar kepada lembaga dipindahkan dan perletakhak pada kerajaan.

Fasal 7, peruntukan bagi penguatkuasa segala kontrak sedia ada oleh atau terhadap kerajaan sebagai menggantikan KEJORA.

Fasal 8, peruntukan bagi meneruskan prosiding undang-undang oleh atau terhadap kerajaan bagi menggantikan KEJORA, juga dinyatakan dalam rang undang-undang ini. Dengan itu semua prosiding perundangan yang sebelum ini adalah ke atas KEJORA akan diteruskan terhadap kerajaan termasuk rayuan ke atasnya.

Fasal 9. Fasal ini memperuntukkan bagi penerusan semua undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari yang menyentuh atau melindungi lembaga dengan mentafsirkan sebutan-sebutan 'mengenai lembaga' sebagai sebutan-sebutan 'mengenai kerajaan'.

Fasal 10. Fasal ini memberikan kuasa kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar untuk membuat perintah bagi maksud menghapuskan apa-apa kesukaran yang timbul berkaitan dengan pelaksanaan akta yang dicadangkan.

Saya suka menegaskan bahawa walaupun KEJORA akan dibubarkan, tetapi pembangunan di kawasan berkenaan akan diteruskan demi kepentingan penduduk tempatan, kumpulan sasar dan sumbangan ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Oleh itu, pihak kerajaan akan memastikan bahawa fungsi-fungsi yang dijalankan oleh KEJORA selama ini akan diteruskan oleh agensi-agensi lain sama ada agensi Kerajaan Persekutuan, negeri ataupun swasta. Untuk tujuan ini, peruntukan pembangunan untuk kawasan tersebut akan terus disalurkan melalui saluran yang ditetapkan berdasarkan peraturan atau perundangan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, pembubaran KEJORA ini pastinya akan melibatkan kakitangan yang kini sedang berkhidmat. Usaha-usaha yang berterusan sedang dijalankan untuk menempatkan atau mengagihkan mereka kepada mana-mana agensi yang sesuai sama ada agensi kerajaan mahupun swasta sebelum berkuatkuasanya pembubaran ini.

Di samping itu pihak kerajaan dan pengurusan KEJORA sendiri telah memberi bantuan dan sokongan yang kuat kepada mana-mana kakitangan yang membuat permohonan untuk mendapatkan jawatan di mana-mana agensi yang mereka rasakan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan alasan-alasan di atas, pembubaran LKW adalah merupakan satu langkah yang baik dan oleh itu, keputusan kerajaan membubarkan beberapa LKW termasuk KEJORA patut diberi sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang yang bernama satu akta bagi memasuhkan Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Kamilia.

4.58 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh rang undang-undang yang telah dikemukakan oleh pihak kementerian iaitu pertamanya, mengenai Fasal 5 yang menyebut tentang perpindahan harta. Ini bermakna bahawa semua harta sama ada harta alih atau harta tak alih akan terletak hak kepada kerajaan.

Apa yang saya fahamkan daripada peruntukan ini ialah ini bermakna bahawa tanah negeri akan menjadi tanah Persekutuan. Mungkin pihak kementerian dapat memberi penjelasan kerana mengikut peruntukan di bawah Perlembagaan dan di bawah perkara 83(1) dan juga 83(2) mana tanah yang diberi kepada pihak Kerajaan Persekutuan dan untuk tempoh selama-lamanya mungkin dalam konteks ini juga ianya perlulah dibayar premium yang sama banyak dengan nilai pasaran tanah itu. Jadi, dalam konteks ini tanah yang terlibat ialah sebanyak 303,518 hektar.

Jadi, soalnya di sini ialah yang ingin juga saya mendapat penjelasan daripada pihak kementerian ialah sama ada premium ini telah sedia terbayar dan adakah juga tanah-tanah yang terlibat ini merupakan tanah rizab Melayu?

Dan jikalau tanah yang begitu luas ini menjadi hak kerajaan apakah sebenarnya balasan atau consideration, dengan izin, kepada pihak kerajaan negeri. Dan jikalau ianya merupakan usaha-usaha membangunkan tanah tersebut, maka adakah sebenarnya setimpal dengan usaha-usaha pembangunan yang telah dilaksanakan dengan tanah yang kini akan menjadi hak kerajaan.

Dan saya ingin jugalah dalam konteks ini mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah mengambil satu langkah baru untuk memberi pendekatan baru bagi memajukan tanah yang mungkin akan diberi kepada agensi-agensi kerajaan ataupun pihak swasta yang kita harapkan sepertimana yang dikatakan oleh pihak kementerian akan terus dimajukan untuk pembangunan dan kepentingan penduduk-penduduk di situ.

Sukalah juga saya mencadangkan jikalau pembangunan itu akan diteruskan maka perlulah kerajaan memberikan satu tumpuan untuk menjadikan pembangunan tanah itu lebih bercirikan masyarakat penyayang. Saya tahu, pihak kementerian mengatakan bahawa kerajaan memang 'kerajaan penyayang'.

Walau bagaimanapun, kadangkala kita dapati pembangunan yang dilaksanakan tidak sebenarnya menekankan ciri-ciri penyayang dalam erti kata yang sebenarnya di mana tidak direalisasikan dalam bentuk fizikal ciri-ciri penyayang. Mungkin pihak kerajaan boleh menimbangkan satu konsep baru jikalau ianya ingin membangun dan terus membangunkan kawasan berkenaan iaitu satu konsep mungkin pembangunan perumahan dan sebagainya, konsep 'kampung medium' yang mungkin akan didirikan lagi prasarana untuk kawasan berkenaan dan juga kawasan-kawasan yang lain yang akan dibangunkan iaitu di mana environment semula jadi, nilai budaya tradisional dalam konteks moden menggalakkan cara hidup yang lebih kaya dengan nilai-nilai dan juga adanya kemesraan komuniti. Saya rasa dalam keadaan di kawasan-kawasan sepertimana juga saya rasa yang

dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi banyaknya timbul masalah sosial yang mana perlulah diberi penekanan dan ciri-ciri masyarakat penyayang ini agar dapat dalam usaha-usaha kita membangunkan kawasan berkenaan, rakyatnya juga akan terjaga nilai-nilai mereka.

Yan keduanya, ialah mengenai Fasal 10 yang telah dibentangkan. Saya dapati bahawa apa-apa kesukaran atau anomali yang akan timbul atas sebab pelaksanaan akta ini, menteri boleh melalui perintah membuat ubahsuaian dan pindaan sama ada penambahan, pemotongan dan sebagainya dalam tempoh masa tiga tahun dari tarikh yang ditetapkan.

Maka di sini mungkin pihak kementerian boleh menerangkan sebenarnya tarikh yang ditetapkan sama ada apakah itu merupakan budi bicara menteri bila tarikh tiga tahun itu ditetapkan. Saya kurang pasti sama ada ianya merupakan tarikh selepas kuatkuasa rang undang-undang ini ataupun mungkin pada tarikh yang dirasakan sesuai oleh pihak kerajaan.

Walau bagaimanapun, saya berpendapat tiga tahun ini mungkin satu tempoh yang boleh di'regularise'kan, dengan izin, agar ianya memberikan masa luang yang lebih ataupun yang munasabah untuk pihak kementerian dapat mengubahsuai perkara-perkara yang mungkin pada masa ini tidak dapat dilihat sebagai perkara-perkara yang akan timbul kerana kita tahu dalam pembubaran ini, ini bermakna terutamanya tentang kuasa hak liabiliti, keistimewaan dan seterusnya mengenai tanah dan aset ini mungkin pelbagai perkara akan timbul.

Saya mencadangkan mungkin untuk memastikan bahawa pihak kerajaan tidak akan menghadapi masalah oleh kerana masa yang ditentukan, mungkin kerajaan boleh

menyelaraskan, dengan izin, limitation act iaitu tempoh masa enam tahun, jikalau ianya timbul perkara-perkara di mana pengecualian itu akan timbul.

Dalam konteks ini, saya tahu bahawa pihak kerajaan adalah tidak tertakluk kepada tempoh limitation act tetapi bagi pihak yang ingin menuntut, perkara ini mungkin akan menimbulkan masalah kepada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya rang undang-undang yang telah dikemukakan telah pun merangkumi perkara-perkara yang sepatutnya diambil kira dalam satu-satu proses pembubaran dan saya percaya proses pembubaran ini akan berjalan dengan lancar dan diharapkan akan terus dapat memberi manfaat kepada mereka yang sepatutnya mendapat manfaat daripada program yang telah dilancarkan oleh pihak kerajaan. Cuma apa yang saya ingin nyatakan di sini dan mungkin menjelaskan juga ialah dua perkara yang telah saya kemukakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

5.05 ptg.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sekali lagi untuk menyokong rang undang-undang ini, walaupun ia serupa dengan yang baru sahaja kita bahaskan tadi, saya juga ingin sekali lagi hendak menegaskan satu, dua perkara, lebih terperinci sedikit oleh kerana saya minta maaf kurang senang dengan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kurang puas hati maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, oleh yang demikian, saya ingin tumpukan perkara yang khusus misalnya Fasal 7, kontrak yang sedia ada dan sebagainya. Misalnya kalau ada kontrak yang sedang pun dijalankan, kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, dalam

sesuatu institusi , sesuatu pentadbiran, walaupun kita mempunyai falsafah pentadbiran, cara-cara membuat kerja, tetapi yang membuat perbezaan dengan izin, the thing that make a difference ialah orang yang mentadbir itu misalnya pengurusnya, pegawai-pegawainya dan sebagainya.

Yang saya ingin sentuh di sini ialah kalaulah misalnya ada satu kontrak dan apabila kontrak itu sedang berjalan dan pada masa itu kebetulan ada ambil alih oleh satu jawatankuasa atau satu autoriti yang lain, adakah aspek ini diambil kira, itu yang saya tanya. Adakah lembaga ataupun pihak yang mentadbirkan lembaga ini yang telah pun dibubar dan diambil alih itu ditentukan bahawa proses pentadbiran itu adalah berterusan dan yang sudah biasa oleh orang-orang yang sedang menjalankan kontrak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak, kemungkinan ada juga pihak yang menjalankan kontrak mereka, kerja-kerja mereka yang akan mengalami keadaan yang susah di mana mereka tidak tahu apa dia budaya mereka yang mengambil alih kuasa dalam proses pentadbiran itu dan dalam keadaan yang begitu, dalam dua, tiga bulan sehingga beberapa bulan mungkin dalam payment mereka misalnya kalau mereka tidak mendapat apa yang seharusnya mereka dapat maka mereka pun akan menghadapi masalah tertentu dalam organisasi mereka yang membuat kerja itu. Ini satu perkara yang saya ingin tumpukan kepada pihak kerajaan sama ada perkara ini pun diambil kira dengan begitu teliti kalau ya, saya ucapkan terima kasih dan ucapan tahniah juga. Dan dari aspek yang telah ditanya juga tadi, mengenai kakitangan, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan mereka ini akan diagih-agihkan ke tempat-tempat organisasi-organisasi yang tertentu.

Saya rasa mengagih-agihkan itu kalau saya gunakan istilah yang Yang Berhormat katakan tadi, tetapi maksudnya yang saya mensoalkan di sini ialah mereka yang bekerja

di situ mungkin ada juga yang agak lanjut umurnya mungkin 40-an, 30-an ataupun mungkin lebih daripada itu adakah mereka ini mudah mencari kerja ataupun dibantu mencari tempat yang baru ataupun di sebaliknya.

Apakah tanggungjawab kerajaan ataupun pihak autoriti terhadap mereka yang sebegitu. Atau pun mereka yang baharu, adakah mereka diberi pilihan dan bantuan dalam mencari tempat-tempat yang baru dan adakah mereka ini diberi pilihan untuk secara khusus di mana dan ke mana mereka boleh pergi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan soalan-soalan itu, sebagai persoalan yang saya ingin tumpukan perhatian kerajaan, saya sekali lagi menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.10 ptg.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Kamalia binti Ibrahim dan juga lagi sekali Yang Berhormat Senator Tuan Ding Seling atas teguran, pandangan dan nasihat mereka.

Berkaitan dengan tanah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, walaupun saya tidak ada satu jawapan yang tepat, tetapi tanah-tanah yang berkenaan telah dijelaskan oleh Kerajaan Persekutuan dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan yang tanah-tanah yang belum diselesaikan premium itu dikekalkan kepada kerajaan negeri.

Dan selain daripada itu, saya juga ingin memberitahu Dewan ini bahawa kita mengadakan perjanjian di antara kerajaan negeri dengan lembaga dan lembaga dengan kementerian, semua perjanjian-perjanjian itu akan dikekalkan.

Berkaitan dengan cadangan untuk membangunkan kampung medium, iakah Yang Berhormat?

Puan Kamalia binti Ibrahim: Kampung medium!

Dato' K. Kumaran: Oh! Cadangan itu saya ingat apabila pentadbiran baru mengambil alih pentadbiran LKW ini maka saya boleh mengemukakan cadangan Ahli Yang Berhormat untuk pertimbangan mereka.

Berkaitan dengan Fasal 10 tarikh berkuatkuasa, itu akan ditetapkan oleh menteri dan akan diwartakan dalam Warta Kerajaan dari tarikh itu ke tiga tahun.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Ding Seling tentang kontrak yang sedia ada akan menjadi masalah, perkara ini saya tidak berapa pasti, tetapi saya akan mengambil perhatian perkara ini dan akan berbincang dengan pegawai-pegawai kanan di kementerian dan saya harap pegawai-pegawai akan mengadakan kepakaran untuk menangani masalah ini.

Berkaitan dengan kakitangan, kerajaan bukan sahaja akan memberi pilihan kepada kakitangan-kakitangan, jika mereka ingin pergi ke sesuatu jabatan. Kementerian juga meminta bantuan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri dan juga Suruhanjaya Pendidikan di peringkat kebangsaan.

Berkaitan dengan pegawai-pegawai yang meningkat umur, tidak mampu pergi ke satu tempat ke satu tempat, tadi saya telah terangkan bahawa mereka akan diberi peluang bersara dan juga akan digalakkan untuk menceburi diri dalam arena perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja penjelasan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-rundang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[**Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa***].

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PAHANG TENGGARA (PEMBUBARAN) 1997

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

5.17 ptg.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang bernama suatu Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pembubaran) 1997 adalah bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pembubaran Lembaga Kemajuan Wilayah bermula pada tahun 1993 apabila kerajaan memutuskan supaya semua LKW kecuali KESEDAR dan PERDA dibubarkan. Walau bagaimanapun, selepas mengkaji dan meneliti pelbagai aspek yang berkaitan, pada 16hb. Oktober, 1996 kerajaan telah memutuskan supaya tiga LKW sahaja dibubarkan dan salah satunya ialah Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA). Selepas pembubaran, semua fungsi dan tugas

LKW berkenaan diserahkan kepada badan-badan Persekutuan, pentadbiran negeri atau diswastakan.

Faktor utama yang dibawa kepada keputusan pembubaran tersebut ialah kerana kerajaan berpendapat bahawa peranan-peranan asas pembangunan, khususnya dari segi 'reopening up of the frontier' dan meningkatkan pembangunan dan kesejahteraan rakyat di kawasan *in situ* telah berjaya dilaksanakan. Ini bermakna bagi kerja-kerja atau fungsi-fungsi pembangunan di kawasan DARA adalah pada skel yang jauh lebih kecil berbanding dengan peringkat awal penubuhannya.

Faktor-faktor lain yang telah diambil kira oleh pihak kerajaan semasa membuat keputusan untuk membubarkan DARA dan juga agensi-agensi LKW lain ialah:-

- (i) kemampuan yang meningkat di kalangan kerajaan-kerajaan negeri dari segi kemahiran dan tenaga kerja untuk membangunkan negeri masing-masing dan mengambil alih fungsi-fungsi LKW; dan
- (ii) sektor swasta lebih bersedia untuk memainkan peranan yang berkesan dalam pembangunan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, DARA yang telah ditubuhkan pada tahun 1972 adalah meliputi kawasan seluas kira-kira 1 juta hektar dan termasuk dalam empat daerah iaitu Pekan, Rompin, Bera dan Maran. Bagi menjalankan fungsi-fungsinya, DARA mempunyai organisasi pentadbiran yang diketuai oleh seorang Pengurus Besar. DARA mempunyai seramai 432 orang anggota yang terdiri daripada 54 orang golongan pengurusan profesional dan 378 orang kumpulan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perundangan, DARA telah ditubuhkan melalui Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972, Akta 68. Oleh itu, bagi tujuan pembubarannya, maka satu akta perlu digubal untuk membolehkan urusan mengambil

alih tugas-tugas, fungsi-fungsi dan kewangan serta aset DARA oleh badan-badan Persekutan atau negeri atau pihak swasta dapat dilaksanakan. Akta ini akan memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 yang ada dan serentak dengan itu, Lembaga yang ditubuhkan di bawah akta penubuhan itu dibubarkan.

Peruntukan-peruntukan utama yang terkandung dalam rang undang-undang ini ialah:

Fasal 3 - memperuntukkan kuasa pemansuhan akta penubuhan dan pembubaran Lembaga.

Fasal 4 - memperuntukkan bahawa segala kuasa, hak keistimewaan, tugas, liabiliti dan obligasi yang sebelum ini diperuntukkan kepada Lembaga diturunkan kepada kerajaan.

Fasal 5 - Fasal ini menjelaskan bahawa semua tanah termasuk harta alih dan tidak alih dan aset-aset lain terletak kepada DARA akan terletak kepada kerajaan.

Fasal 6 - memperuntukkan bahawa semua wang yang ada atau kena dibayar kepada Lembaga dipindahkan dan terletak kepada kerajaan.

Fasal 7 - peruntukan bagi penguatkuasa segala kontrak sedia ada oleh atau terhadap kerajaan sebagai menggantikan DARA.

Fasal 8 - peruntukan bagi meneruskan prosiding undang-undang oleh atau terhadap kerajaan bagi menggantikan DARA juga dinyatakan dalam rang undang-undang ini.

Dengan itu semua prosiding perundangan yang sebelum ini ke atas DARA akan diteruskan terhadap kerajaan termasuk rayuan ke atasnya.

Fasal 9 - Fasal ini memperuntukkan bagi penerusan semua undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari yang menyentuh dan melindungi Lembaga dan

mentafsirkan sebutan-sebutan ‘mengenai Lembaga’ sebagai sebutan-sebutan ‘mengenai kerajaan’.

Fasal 10 - Fasal ini memberikan kuasa kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar untuk membuat perintah bagi maksud menghapuskan apa-apa kesukaran yang timbul berkaitan dengan pelaksanaan akta yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa walaupun DARA akan dibubarkan, pembangunan di kawasan berkenaan akan diteruskan demi kepentingan penduduk tempatan, kumpulan sasar dan sumbangan ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Oleh itu pihak kerajaan akan memastikan bahawa fungsi-fungsi yang dijalankan oleh DARA selama ini akan diteruskan oleh agensi-agensi lain sama ada agensi Kerajaan Persekutuan, negeri mahupun swasta. Untuk tujuan ini peruntukan pembangunan untuk kawasan tersebut akan terus disalurkan melalui saluran yang ditetapkan berdasar peraturan atau perundangan yang sedia ada.

Pembubaran DARA ini pastinya akan melibatkan kakitangannya yang kini sedang berkhidmat.

Usaha-usaha yang berterusan sedang dijalankan untuk menempatkan atau mengagihkan kepada mana-mana agensi yang sesuai sama ada agensi kerajaan mahupun swasta sebelum berkuatkuasanya pembubaran ini.

Di samping itu, pihak kerajaan dan pengurusan DARA sendiri telah memberi bantuan dan sokongan yang kuat kepada mana-mana kakitangan yang membuat permohonan untuk mendapatkan jawatan di mana-mana agensi yang mereka rasakan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan alasan-alasan di atas, pembubaran LKW adalah merupakan satu langkah yang bijak dan oleh itu keputusan kerajaan untuk membubarkan beberapa LKW termasuk DARA patut diberi sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

5.25 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan. Saya tidaklah hendak berucap panjang, sebabnya Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam ucapannya serupa sahaja. *[Ketawa]*

Lembaga Wilayah Jengka pun begitulah juga hendak teruskan pembangunan, hendak serapkan kakitangan dan hendak beri kepada agensi-agensi, harta alih tak alih akan diambil oleh kerajaan. Apa juga tindakan dan perkara-perkara yang berlaku akan ditanggung oleh kerajaan. Jadi, semuanya serupa jugalah hanya kawasan sahaja yang berlainan. Betul Yang Berhormat ya?

Dato' K. Kumaran: Betul! *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Jadi, saya kawasan DARA ini Yang Berhormat bersetuju barangkali kalau saya katakan tidak berjaya. Tidak berjaya untuk hendak membawa orang ke kawasan DARA yang satu juta hektar tanah luasnya.

DARA ini kalau dibandingkan dengan negeri Melaka macam membuang batu ke lubang sahaja. Kalau dibandingkan dengan Negeri Sembilan, macam buih di tengah lubang, hilang begitu sahaja.

Jadi, besar benar kawasannya. Tetapi, pembangunannya tidak begitu besar. Tujuan kita membuka wilayah-wilayah ini selain daripada hendak beri infrastruktur *in situ* saya rasa tujuannya lebih daripada itu. Kita hendak menempatkan peneroka-peneroka, orang-orang yang datang daripada negeri-negeri lain, yang banyak berada di negeri Pahang.

DARA ini di dalam kawasan Pahang, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sebutkan tadi. Jengka di kawasan Pahang, yang saya seronoknya ialah di Pahang ini di kawasan-kawasan wilayah ini didiami oleh penduduk-penduduk yang datang daripada

negeri-negeri lain. Dan saya suka menceritakan di sini, Pahanglah yang banyak sekali lebih kurang 40% lebih yang memberi tanah kepada rakyat Malaysia yang datang daripada Kedah, Perlis, Selangor, Negeri Sembilan pun ada, Johor pun ada. Sebut sahaja, ada belaka yang pergi ke negeri Pahang untuk mencari rezeki.

Dan saya seronok sebabnya, di Pahang ini adalah tempat yang kita boleh berjumpa ramai orang daripada negeri-negeri lain tetapi telah pun bermastautin di negeri Pahang, telah pun mengikut adat resam negeri Pahang dan setia kepada negeri Pahang Darul Makmur.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi hasrat mereka untuk pergi ke kawasan-kawasan ini, untuk mencari rezeki meninggikan pendapatannya tidak begitu berhasil sepertimana yang kita hajatkan sebab kebanyakan mereka itu adalah dalam keadaan penengahan lagi.

Ada setengah-setengahnya tidak lagi bekerja sebagai peneroka, mereka ini bekerja sebagai kontraktor pun ada, mereka bekerja di luar kawasan pun ada, mereka memberi upah untuk mengait buah-buahan pun ramai yang membuat pekerjaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, sebabnya ialah untuk mereka hendak meningkatkan pendapatan mereka, hendak mencari rezeki yang lebih lagi dan DARA ini saya tak tahu apakah rancangan kerajaan hendak buat, kerajaan kata, dia akan meneruskan ada cadangan, tetapi tidak dapat barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri menceritakan dengan sejelas-jelasnya apa akan berlaku. Adakah tanah-tanah yang begitu banyak di situ telah pun dibeli ataupun hendak di'privatise'kan, dengan izin, ataupun ada orang-orang yang tertentu yang telah pun membuat perjanjian untuk mendapatkan kawasan-kawasan itu. Adakah kerajaan negeri Pahang tahu apa yang berlaku di Pahang Tenggara ini, siapa yang akan mengambil alih, adakah Kerajaan Negeri Pahang tahu?

Saya rasa kalau perkara ini belum diberitahu kepada Kerajaan Negeri Pahang, kerajaan di negeri Pahang mestilah tahu apa hendak buat dan siapa yang hendak mengambil alih tanah-tanah yang begitu berhasil ini di Pahang Tenggara. Ini yang saya hendak tanyakan dan berapakah nilai harta yang ada, yang diuruskan oleh pengurusan wilayah DARA ini dan berapakah wang ada dalam simpanan pengurusan wilayah DARA ini, dan setakat manakah kedudukannya sekarang ini selepas pembubaran ini? Adakah kita akan dengar lagi di Dewan yang mulia ini cadangan-cadangan dan perancangan yang akan dibuat di wilayah Pahang Tenggara? Kawasan ini amat besar.

Yang saya tahu kawasan yang majunya adalah bandar yang dekat dengan Pahang Tenggara iaitu Segamat dan Batu Pahat - sungguh maju kalau dibandingkan dengan DARA. Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak tahu, Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberi penerangan lebih lanjut sedikit berkenaan kedudukan Pahang Tenggara yang sebenarnya dan saya harap benar dengan pembubaran ini Pahang Tenggara akan lebih maju lagi daripada yang ada sekarang ini dan kerajaan akan memastikan bahawa kakitangan yang ada ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai, yang profesional pun ada, yang berkelulusan peguam pun ada di DARA, ke mana mereka ini akan pergi khususnya pekerja-pekerja pertengahan ini sepertimana yang saya katakan dalam ucapan saya di dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Wilayah Jenaka tadi, begitu jugalah keadaannya yang berlaku, akan berlaku di DARA ini. Sepertimana ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, serupa juga dan akhirnya serupa jugalah apa yang hendak kita utarakan.

Dengan ini saya dengan sukacitanya menyokong pembubaran ini untuk kebaikan.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Long.

5.34 ptg.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membincangkan sedikit sahaja bagi Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pembubaran) 1997.

Setelah dua puluh lima tahun DARA ditubuhkan, saya memang duduk dalam kawasan DARA itu, lahir pun di kawasan DARA, sehingga sekarang duduk di kawasan DARA. Saya perhatikan bahawa DARA kurang sedikit daripada Jengka. Jengka maju sedikit, DARA bawah sedikit. Jadi, saya hendak sebut macam mana kemajuannya pun, saya rasa Yang Berhormat Dato' ini lebih arif sebab dia pun selalu ulang alik ke sana. *[Merujuk kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin]*. Jadi, semoga dengan pembubaran ini akan dapat meningkatkan lagi keupayaan mana-mana pihak yang mengambil alih tugas DARA.

Pada masa yang sama, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, terdapat golongan minoriti Orang Asli yang memang duduk di kawasan wilayah DARA termasuk keempat-empat daerah yang berkenaan. Jadi, saya percaya mana-mana pihak sama ada dalam bentuk penswastan ataupun kerajaan negeri atau mana-mana sahaja supaya tanggungjawab yang masih sedia ada terutama rancangan pengumpulan semula Orang Asli - ada lima RPS yang terdapat di dalam kawasan wilayah DARA dapat diteruskan lagi termasuklah riadah, infrastrukturnya dan sosio ekonominya dan saya rasa banyak lagi perkara yang masih belum selesai. Jadi, moga-moga sesiapa sahaja yang mengambil alih tugas itu dapat meneruskan kerja-kerja mereka supaya tidak tergendala.

Yang keduanya, dalam pelan struktur pembangunan daerah Pekan, saya dapati satu cadangan untuk membina satu laluan kereta api dari Segamat-Muazam Shah-Pramu terus

ke Pelabuhan Kuantan. Saya rasa dengan pembinaan laluan kereta api ini dapat dipercepatkan boleh memangkinkan pembangunan Wilayah Pahang Tenggara.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong pembubaran wilayah DARA 1997. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Michael Chen Wing Sum]: Sila, Yang Berhormat.

5.36 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas pandangan dan teguran yang diberi oleh dua orang Ahli Yang Berhormat. Satu, Dato' Haji Mohd. Zuki dan pandangan beliau sama juga dengan perbahasannya semasa Rang Undang-undang Lembaga wilayah Jengka. Jawapan saya pun serupa jugalah dengan jawapan bagi wilayah Jengka. *[Ketawa]* Jaminan saya pun sudah jawab. Saya ulang jawapan itu juga.

Walau bagaimanapun, untuk kebaikan penduduk ataupun peserta juga kita bubarkan. Apabila kerajaan beri jaminan akan ditunaikan semua jaminan. Ini kita ada buktikan di banyak tempat. Oleh sebab itu jangan bimbang, jika ada pandangan-pandangan yang lebih baik boleh tulis kepada kementerian. Dato' mempunyai pengalaman yang luas sebagai pentadbir dan pendidikan sebagai seorang peguam, kementerian saya akan terima, akan terima apabila kita laksanakan, kita akan panjangkan semua cadangan itu kepada pihak-pihak yang tertentu untuk kebaikan bersama.

Berkaitan dengan harta-harta, walaupun saya tidak dapat beri di sini tetapi saya ada nilai harta DARA sebanyak RM160,000,000 (RM160 million).

Senator Long bin Jidin membangkitkan perkara berkaitan dengan Orang Asli tentang perkara infrastruktur dan sosio ekonomi. Kedua-dua perkara ini seperti jawapan

saya, walaupun ucapan fotostat - serupa juga - tetapi jaminan pun serupa juga. *[Ketawa]* Kerajaan tidak akan mengabaikan sesiapa pun sama ada mereka daripada golongan Orang Aslikah, orang Melayu, Cina, India, semua rakyat akan diberi layanan yang sama. Oleh sebab itu jangan bimbang, kita akan teruskan dan berkaitan dengan perkara jalan kereta api dari Segamat ke Pelabuhan Kuantan, walaupun ini bukan tanggungjawab kementerian saya, walau bagaimanapun, kita boleh beri apa-apa bantuan untuk mempercepatkan pembinaan jalan itu.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Walaupun jawapan photostat, dengan izin, Fasal-fasal pun fotostat tetapi saya ada beri faks, kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, faksnya ialah tadi saya tanya siapa yang telah membeli tanah, agensi mana yang akan mengambil alih, kalau tidak tahu lagi tidak apalah, lain kali kita boleh bincangkan lagi sebab kemungkinan tidak tahu lagi bukan? Hanya hendak bubar sahaja dahulu. Lepas itu tengoklah dia akan keringkah, dia menggelegakkah atau akan menjadi buburkah atau menjadi nasi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya tidak boleh terangkan perkara ini. Sebelum pembubaran dibuat kita telah mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri. Semua perkara seratus peratus mereka tahu. Apakah sebab-sebab pembubaran dan apakah tanggungan kerajaan, apakah tanggungan Kerajaan Persekutuan. Kita belum jual tanah lagi, saya tahu perkara jual beli tanah ini hebat di dalam surat khabar tetapi di dalam pengetahuan saya, tidak tahulah perkara ini. Saya pun

belum tahu, Kerajaan Pusat hendak ambillah, kerajaan negeri hendak ambillah itu pun belum tahu lagi, kita bubar dahulu dan kerajaan akan mengambil keputusan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 10 -

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Fasal 10 ini berkenaan dengan kuasa kepada menteri. Kalau mengikut Fasal 10 kuasa diberi kepada menteri membuat perintah bagi maksud menghapuskan apa-apa kesukaran yang mungkin timbul berkaitan dengan pelaksanaan akta yang dicadangkan. Jadi, bermakna kuasa yang diberi kepada menteri ini amat luas, apa sahaja yang tidak boleh dilaksanakan awal boleh dilaksanakan dengan perintah menteri. Jadi, Tuan Pengerusi, saya hendak tahu Fasal 10 ini kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ceritakan contoh-contohnya kuasa menteri ini meliputi Fasal 10.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menerangkan kuasa-kuasa ini. Apabila satu masalah timbul barulah kita tahu apakah masalah itu, sebelum kita tahu masalah, macam mana saya boleh ceritakan kepada Ahli Yang Berhormat. *[Ketawa]* Apabila masalah itu timbul, kita ada pegawai-pegawai perundangan, menteri tidak ambil kuasa untuk menyalahgunakan kuasa. Saya boleh beri jaminan di sini

Menteri Pembangunan Luar Bandar tidak menyalahgunakan kuasa. Mereka adil dan saksama apabila mengambil sesuatu keputusan tetapi saya tidak tahu apakah itu, Tuhan juga yang lebih tahu. *[Ketawa]*

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMULIHAN
DAN PENYATUAN TANAH NEGARA
(PENGANTIAN DAN PEMBUBARAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bernama suatu Akta Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Penggantian dan Pembubaran) 1997 bagi memansuhkan akta memperbadankan serta pindaan-pindaan terakhirnya yang ada dan serentak dengan itu, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah akta memperbadankan itu akan dibubarkan.

Sehubungan dengan pembubaran itu, segala kuasa, hak, keistimewaan, tugas, liabiliti dan obligasi yang sebelum ini diperuntukkan kepada lembaga diturunkan kepada syarikat pengganti.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan mengenai pengecilan saiz perkhidmatan awam, pembiayaan pengurusan melalui sumber dana sendiri adalah antara beberapa usaha untuk meningkatkan keberkesanan dan daya produktiviti agensi-agensi kerajaan yang pada keseluruhannya untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan atau ringkasnya FELCRA telah diputuskan oleh kerajaan untuk dikorporatkan mulai pada 1hb. September 1997. FELCRA adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada 1hb. Oktober 1966 di bawah akta memperbadankan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966 bagi tujuan pembangunan tanah melalui fungsi utamanya iaitu menyatu, memulih dan memajukan tanah atas persetujuan atau permintaan kerajaan negeri atau di atas permintaan pemilik-pemilik tanah.

Semenjak beroperasi pada tahun 1967 sehingga sekarang sebanyak 1,688 projek atau seluas 260,362 hektar tanah telah diperladangkan dan melibatkan 55,144 orang peserta. Projek-projek ini meliputi usaha membangunkan semula tanah-tanah pertanian terbiar dengan tanaman-tanaman komoditi jangka panjang melalui teknologi-teknologi perladangan terkini.

Di samping melaksanakan pembangunan ekonomi luar bandar, FELCRA juga memberi tumpuan kepada pembangunan pesertanya ke arah menjadikan mereka masyarakat berinstitusi dan berdikari. Sehingga ini, sebanyak 399 buah jawatankuasa kemajuan projek telah ditubuhkan di samping 105 buah Koperasi Peserta Rancangan, sebuah Koperasi Peserta FELCRA Berhad di peringkat nasional, 100 buah Perkumpulan Wanita Dinamis FELCRA serta 63 buah taman bimbingan kanak-kanak telah diwujudkan.

Fungsi dan peranan tersebut telah dicapai melalui satu sistem penyampaian yang mantap dengan diketuai oleh seorang ketua pengarah dengan 3,426 orang pegawai yang terdiri daripada 200 orang dari golongan pengurusan dan profesional dan 3,226 orang kumpulan sokongan.

Pada keseluruhannya, kerajaan berpuas hati dengan pencapaian tersebut dan berpendapat bahawa sebagai badan korporat, FELCRA mampu membawa pendekatan pembangunan yang lebih berinovatif dengan dipandu oleh kuasa pasaran ke arah menjadikan sektor luar bandar maju, menarik dan menguntungkan tanpa bantuan kewangan dari kerajaan.

Pengkorporatan FELCRA ini juga telah dapat memenuhi dasar-dasar kerajaan iaitu:

- (i) penjimatan kewangan awam sebanyak RM190 juta setahun di mana RM70 juta bagi belanja pengurusan dan RM120 juta belanja pembangunan;
- (ii) akan dapat mengecilkan saiz sektor awam di mana kesemua staf berjumlah 3,426 orang akan diserapkan ke dalam syarikat pengganti.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan pengkorporatan ini, satu rang undang-undang yang bernama Akta Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Penggantian dan Pembubaran) 1997 telah digubal dan akta ini melalui peruntukan Fasal 3 membolehkan segala kuasa, hak keistimewaan, tugas, liabiliti dan obligasi yang sebelum ini diperuntukkan kepada lembaga diturunkan kepada syarikat pengganti.

Sementara Fasal 9 akta ini memperuntukkan kuasa pemansuhan kepada akta memperbadankan berserta pindaan-pindaan terakhirnya dan serentak dengan itu lembaga yang ditubuhkan di bawah akta memperbadankan tersebut akan dibubarkan.

Di samping itu, peruntukan-peruntukan tertentu telah dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini bagi membolehkan penurunan atau pemindahan tersebut dibuat, antaranya:-

- (i) **Kontrak-kontrak Sedia Ada:**

Peruntukan bagi penguatkuasaan segala kontrak sedia ada oleh/atau terhadap syarikat pengganti sebagai ganti lembaga. Segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara atau perkiraan kerja yang ada dan menyentuh mana-mana harta yang berpindah akan dikuatkuasakan kepada syarikat pengganti sebagaimana peruntukan Fasal 3(8).

(ii) **Penerusan Prosiding Jenayah dan Sivil:**

Peruntukan yang meneruskan prosiding undang-undang oleh kerajaan atau terhadap kerajaan bagi menggantikan lembaga juga dinyatakan dalam rang undang-undang ini. Dengan itu, semua liabiliti perundangan yang sebelum ini terletak ke atas lembaga akan dipindahkan kepada syarikat pengganti termasuk meneruskan prosiding dan rayuan sebagaimana peruntukan di Fasal 3(6) dan Fasal 10.

(iii) **Menghalang sebarang kesukaran atau anomali:**

Kuasa telah diperuntukkan kepada Menteri yang bertanggungjawab membuat perintah-perintah bagi maksud menghapuskan apa-apa kesukaran yang mungkin timbul berkaitan dengan pelaksanaan akta ini sama ada perintah atau mengubah suai peruntukan-peruntukan di dalam Fasal 11 dalam akta ini.

(iv) **Perletakan harta dan sebagainya pada syarikat pengganti:**

Peruntukan ini perlu dibuat bagi membolehkan menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta menetapkan tarikh pemindahan segala harta alih dan tak alih serta aset-aset lain termasuk semua wang yang ada atau kena dibayar kepada lembaga, hak dan liabiliti yang berhak oleh lembaga

sama ada di Malaysia atau di tempat lain menjadi harta, hak dan liabiliti syarikat pengganti sebagaimana peruntukan Fasal 3(1) dan (3) akta ini.

(v) **Pegangan permulaan kerajaan dalam syarikat pengganti:**

Peruntukan ini disediakan bagi membolehkan sekuriti-sekuriti syarikat pengganti diterbitkan atau diuntukkan kepada Menteri Kewangan, dan bagi apa-apa pelupusannya perkara ini dinyatakan di bawah Fasal 4 dan Fasal 6 dalam akta ini.

(vi) **Struktur kewangan syarikat pengganti:**

Struktur kewangan syarikat pengganti digariskan di dalam Fasal 7 akta ini. Pemindahan apa-apa jumlah wang yang ada terkumpul oleh lembaga akan dipindahkan oleh syarikat pengganti kepada rizab statutori. Tempoh perakaunan yang berakhir pada suatu tempoh bagi syarikat pengganti akan ditentukan oleh Menteri Kewangan.

(vii) **Opsyen kepada staf:**

Akta ini juga membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan kakitangan.

Fasal 8 membuat peruntukan kepada tiap-tiap orang kakitangan yang diberi pilihan oleh lembaga dan memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengganti digajikan oleh syarikat itu atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang kepadanya dia adalah berhak sebelum sahaja tarikh pemindahan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan keputusan kerajaan mengenai pengkorporatan ini, FELCRA tidak diberikan sebarang peruntukan pembangunan bagi tahun 1997. Walau bagaimanapun, bagi memastikan proses pengkorporatan ini berjalan

dengan licin, kerajaan telah menimbang dan meluluskan bantuan kewangan kepada FELCRA dalam bentuk berikut:

- (i) Suntikan modal berjumlah RM56.36 juta untuk membiayai sebahagian kos operasi tahun pertama pengkorporatan FELCRA.
- (ii) Peruntukan secara pinjaman berjumlah RM255 juta bagi membiayai projek-projek sambungan pembangunan tanah yang telah dianggap komited.
- (iii) Menukar pinjaman kerajaan yang membiayai projek sosial berjumlah RM97.9 juta kepada ekuiti kerajaan di dalam modal berbayar FELCRA selepas ianya dikorporatkan.
- (iv) Meneruskan aktiviti pembinaan projek jalan masuk ke ladang FELCRA dengan peruntukan geran, berjumlah RM86.6 juta bagi tahun 1997 hingga ke tahun 2000 dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dan disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- (v) Memindahkan kesemua aset FELCRA berdasarkan akaun pada 31hb. Disember 1995 berjumlah RM1.923 bilion dan tanggungannya berjumlah RM1.3 bilion kepada syarikat pengganti iaitu FELCRA Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat pengganti yang diberi nama FELCRA Berhad, adalah sebuah syarikat induk dengan operasi utamanya pemulihan dan penyatuan pengurusan tanah. Syarikat ini akan meneruskan fungsi dan peranan asas FELCRA dengan membiayai sendiri segala kos pengurusannya. Syarikat ini akan beroperasi dengan modal dibenar tidak melebihi RM1,000 juta dan modal berbayar sejumlah RM712 juta. Syarikat FELCRA Berhad melalui kuasa yang diberikan akan melaksanakan fungsinya

sebagai pengurus, penjaga dan pemegang amanah kepada tuan-tuan tanah ke arah meningkatkan taraf hidup dan peningkatan produktiviti melalui kecekapan serta kepelbagaian perniagaan yang dijangka menguntungkan.

Kerajaan mempunyai keyakinan penuh bahawa FELCRA Berhad boleh melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dengan lebih efisien dan berkesan di sektor luar bandar melalui pendekatan berimbang di antara tanggungjawab perniagaan dan tanggungjawab sosial.

Keseimbangan ini dilakukan melalui pembiayaan menyilang hasil dari segi aktiviti berorientasikan keuntungan dan aktiviti sosio-ekonomi. Di samping itu, pembesaran kepada aktiviti utama atau core business juga akan dilaksanakan dengan matlamat membangunkan tanah-tanah terbiar pada kadar 30,000 hektar setahun dengan pendekatan pembangunan secara komersial. Sehubungan dengan itu juga, program penyusunan semula kampung dan program rakyat termiskin akan diteruskan selaras dengan peranan FELCRA sebagai agensi pelaksana utama. Di atas perancangan itu, keputusan kerajaan untuk mengkorporatkan FELCRA patut diberi sokongan dan kita yakin ianya dapat memberi jaminan yang lebih baik bagi pembangunan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perletakhakan harta, hak dan liabiliti Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan pada suatu syarikat; untuk membuat perkiraan kewangan bagi syarikat itu; untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan

kakitangan Lembaga; untuk membubarkan Lembaga dan untuk memansuhkan Akta Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pemerbadanan) 1966; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila, Yang Berhormat.

6.03 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Penggantian dan Pembubaran) 1997.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah berjaya membentangkan rang undang-undang yang tersebut dan penjelasan-penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat, wakil daripada kementerian sebentar tadi.

Kita melihatkan kebelakangan ini banyak usaha dijalankan di mana tanah-tanah seperti dalam FELDA dan sebagainya akan dibangunkan. Saya percaya rang undang-undang ini dibentangkan adalah bertujuan untuk membangunkan tanah-tanah di dalam kawasan FELCRA supaya tanah-tanah ini dapat memberi pulangan yang lebih besar, dapat memberi pulangan kepada pemilik-pemilik dan juga pulangan yang baik kepada negara. Usaha-usaha ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat daripada kementerian yang membentangkan tadi bahawa haruslah diberi sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, FELCRA ditubuhkan di merata tempat negeri-negeri dalam negara kita. Kalau saya tidak silap, penubuhan FELCRA adalah untuk memajukan tanah-tanah pinggir dan juga tanah-tanah yang terbiar yang telah disatukan di mana telah pun ditempatkan petani-petani dan juga rakyat di luar bandar. Usaha-usaha FELCRA ini telah pun membawa sedikit sebanyak kemajuan dan juga telah menyumbang kepada masyarakat di negara kita.

Hari ini kita mendengar satu lagi usaha telah dibuat oleh kerajaan di mana kewujudan FELCRA ini mungkin dapat dimajukan, dapat lebih memberi sumbangan kepada mereka yang terlibat sama ada dari segi pegawainya ataupun dari segi petani-petani dan juga pemilik-pemiliknya. Dengan itu, kita mencadangkan supaya ditubuhkan syarikat untuk mengambil alih usaha-usaha yang dijalankan oleh badan berkanun yang disebut FELCRA tadi.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apabila syarikat mengambil alih usaha-usaha yang telah dijalankan oleh FELCRA yang mana saya faham usaha-usaha yang dijalankan oleh FELCRA selama ini adalah usaha-usaha dalam bidang pertanian. Apakah syarikat yang mengambil alih ini akan meneruskan usaha-usaha ini cuma dalam industri-industri ataupun dalam tanaman-tanaman yang terlibat dalam pertanian sahaja ataupun tanah yang merupakan aset yang penting, sama ada kepada kita sebagai individu ataupun kepada syarikat, pembangunan akan dibuka dengan seluas-luasnya kepada pembangunan industri dan juga pembangunan-pembangunan yang lain.

Soalan ini saya kemukakan kepada pihak kementerian kerana apa yang saya pernah sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini walaupun negara kita membangun, walaupun kita maju dalam bidang industri dan kita telah mencapai satu kemajuan ekonomi yang amat membanggakan, kita juga harus memikirkan keperluan makanan untuk negara. Saya bila bercakap soal keperluan makanan, banyak pihak cuma memikirkan keperluan makanan ini beras sahaja. Memang nasi adalah makanan utama kepada penduduk-penduduk di Malaysia, tetapi kita juga memerlukan bahan-bahan makanan yang lain untuk keperluan rakyat di negara kita.

Kita tahu bahawa bidang pengeluaran makanan ini adalah merupakan bidang yang terpaksa dibuat, terpaksa dilaksanakan oleh setengah-setengah pihak kerana mungkin ia tidak ada pengalaman yang lain dan ia menjadi satu usaha tradisi yang telah menyara sara hidup, tetapi dari segi pulangan kepada bidang ini amat menyedihkan dan pendapatan mereka yang terlibat dalam bidang pengeluaran makanan ini tidak setanding ataupun setimpal dengan bidang-bidang yang lain yang ada dalam negara kita, misalnya industri perniagaan dan sebagainya. Jadi, sudah tentu penglibatan dalam bidang ini sekarang ini tidak mendapat sambutan dan juga tidak mendapat dorongan daripada pihak kerajaan sendiri.

Baru-baru ini dalam mesyuarat majlis peladang, saya dimaklumkan bahawa ada setengah-setengah kerajaan negeri kerana mempunyai kesedaran tentang keperluan bahan makanan yang kita bimbang dengan import daripada luar yang begitu besar, kita bimbang juga kemungkinan dengan pertambahan penduduk, kita menghadapi masalah dari segi inflasi harga yang tinggi, kekurangan bekalan dan sebagainya, kita memikirkan bahawa negara kita perlu juga mengeluarkan pengeluaran makanan daripada pertanian ini. Tetapi apabila ada kerajaan-kerajaan negeri memberi syarat kepada pihak-pihak swasta ataupun syarikat-syarikat yang ingin menjalankan usaha-usaha untuk membangunkan tanah supaya sebahagian daripada tanah yang dibangunkan haruslah diberi penumpuan kepada pengeluaran bahan makanan, tidak mendapat sambutan daripada pihak swasta.

Apabila FELCRA ini dikorporatkan, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah perancangan kementerian pada masa akan datang? Adakah perniagaan ini akan dibuka seluas-luasnya ataupun pihak FELCRA masih lagi ingin mengambil tanggungjawab sebagai satu pihak ataupun satu badan yang boleh

meng'commercialise'kan usaha-usaha pertanian dan juga pengeluaran makanan. Ini saya harap dapat penjelasan daripada pihak kementerian.

Kalau syarikat yang disebutkan tadi masih lagi dalam bidang yang saya sebutkan tadi, pengeluaran makanan dan sebagainya, bagaimana syarikat ini dapat memastikan satu pulangan yang baik? Kerana kita tahu melalui pengalaman kita dan pengalaman pihak-pihak syarikat yang saya sebutkan tadi, usaha-usaha untuk menentukan supaya syarikat-syarikat yang terlibat dengan pembangunan tanah ini walaupun disyaratkan oleh setengah-setengah kerajaan negeri meminta supaya ada portion, dengan izin, ataupun ada kawasan yang dihadkan untuk usaha-usaha pengeluaran makanan, tidak mendapat sambutan daripada pihak syarikat ini kerana mereka tahu ini tidak menguntungkan.

Dan adakah FELCRA masih lagi akan berada dalam bidang yang berkenaan sedangkan kita tahu dia tidak untung ataupun syarikat ini akan berubah menjadi satu syarikat pembangunan yang lain, projek-projek mega, projek-projek pembangunan industri yang besar-besar, perkilangan dan sebagainya. Adakah dengan penubuhan ataupun pembubaran akta FELCRA dengan menggantikan kepada syarikat ini kita akan dapat melihat kilang-kilang ataupun bangunan-bangunan perindustrian yang besar-besar akan dibawa ke luar bandar. Ini saya harap dapatlah kita nanti mendapat penjelasan daripada pihak menteri.

Satu perkara lagi yang ingin saya sebutkan di sini, FELCRA mempunyai kumpulan sasarnya terdiri daripada petani-petani, peladang-peladang yang mereka mempunyai kemahiran yang begitu rendah. Kemungkinan kemahiran mereka dalam bidang pertanian yang menjadi field ataupun tempat mereka selama ini mencari makan. Apabila dijadikan syarikat, bagaimanakah pihak syarikat memastikan supaya apabila ditubuhkan syarikat, mereka yang menjadi kumpulan sasaran ini akan terus sama-sama dapat dibangunkan

bersama-sama dengan syarikat. Demikian juga dengan pegawai dan juga kakitangan yang ada dalam syarikat tersebut bagaimanakah pihak kerajaan memastikan supaya mereka benar-benar mendapat pulangan dan juga sama-sama dapat menikmati keuntungan daripada peralihan FELCRA, daripada sebuah agensi badan berkanun kepada sebuah syarikat?

Saya menyuarakan perkara ini kerana kadang-kadang kita lihat dalam negara kita memang banyak komuni-komuni, agensi-agensi dahulunya kerajaan, sekarang dicorporatise, diprivatise dan sebagainya, tetapi mereka yang jatuh bangun, berkorban, berusaha, mereka sebagai orang-orang yang telah bersama-sama dengan badan-badan tersebut apabila ia dimajukan, dijadikan badan korporat dan sebagainya, mereka ini hanyut bersama-sama dengan arus sedangkan mereka yang tidak basah tangan, maksudnya tidak pun bersama-sama di dalam usaha-usaha membangunkan asas pembangunan sesuatu agensi ini, mereka yang menikmati keuntungan yang lebih. Saya harap kerajaan dapat memastikan perkara ini supaya pengagihan dan keadilan sosial dapat kita pastikan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahaja perbincangan yang dapat saya sampaikan. Saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Penggantian dan Pembubaran) 1997. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah.

6.14 ptg.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri ingin mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Penggantian dan Pembubaran) 1997 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri tadi.

Terlebih dahulu saya menyatakan bahawa saya adalah bekas ahli Lembaga Pengarah FELCRA, tetapi sudah dua tahun tidak lagi menjadi ahli Lembaga, maka saya tidak ada apa-apa kepentingan di dalam perkara yang dibincangkan. Kalau saya hendak bercakap panjang, boleh, tetapi saya akan mengambil masa yang paling singkat. Kemungkinan apa yang akan saya suarakan adalah senada dengan rakan saya Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah.

Tuan Yang di-Pertua, penswastan ataupun pengkorporatan tidak melepaskan tanggungjawab kerajaan dalam usaha untuk memastikan bahawa matlamat sesuatu perbadanan yang daripada asalnya ditubuhkan dahulu supaya tidak lari daripada tujuan ianya ditubuhkan. Salah satu sebab FELCRA ditubuhkan ialah di dalam usaha untuk membangunkan kawasan luar bandar dan membasmi kemiskinan. Kerana salah satu punca kemiskinan ialah keadaan tanah yang berpecah-pecah, terlalu kecil, perlu penyatuan dan juga tanah-tanah yang terbiar yang perlu pemulihan dan ini adalah usaha untuk membangun dan membasmi kemiskinan di luar bandar. Oleh yang demikian, setelah penggantian ini sama ada ia pengkorporatan ataupun penswastan, saya sebagai salah seorang rakyat Malaysia berharap semoga kita tidak melepaskan tanggungjawab kita untuk memastikan matlamat FELCRA ditubuhkan itu tidak berubah, bersama berubahnya bentuk identiti badan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah badan korporat ataupun swasta sudah tentulah ingin memaksimumkan pulangan ataupun keuntungan. Semua kita belajar bahawa dalam sistem ekonomi kita, setiap pertubuhan ekonomi sudah tentunya ingin membuat keuntungan sebanyak mungkin yang boleh. Oleh yang demikian, segala keputusan yang dibuat sudah tentu berasaskan kepada matlamat ini pada hal selama ini FELCRA beroperasi bukan dengan matlamat untuk memaksimumkan keuntungan kepada FELCRA

tetapi memaksimumkan kecekapan, kemahiran dan pulangan kepada golongan sasaran, iaitu masyarakat yang mempunyai tanah-tanah yang terpecah dan terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi contoh. Kalau sekeping tanah yang berhampiran dengan Kuala Lumpur untuk membangunkannya sudah tentu kosnya lebih rendah dan pulangannya lebih tinggi daripada sekeping tanah di kampung saya, umpamanya di Lenggong, Perak yang jauh daripada kemudahan bandar dan juga yang mempunyai infrastruktur yang tidak baik, kos pembangunannya adalah tinggi dan pulangannya rendah, lebih-lebih lagi pula tanah-tanah seperti yang sedang dimajukan oleh FELCRA sekarang, di atas gunung, di seberang sungai dan sebagainya. Sekarang pun tuan-tuan punya tanah yang tinggal di fringes, di tepi-tepi hutan dan tepi gunung terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi daripada tuan-tuan tanah yang dimajukan oleh FELCRA yang duduk di kawasan yang hampir dengan pusat.

Dasar FELCRA sekarang pun ialah peserta menanggung kos dan tanggungan kos ini dibayar daripada pulangan. Jadi, kalau rakyat yang miskin yang duduk jauh di luar bandar menanggung kos yang lebih tinggi dan mendapat pulangan yang rendah, pada waktu sekarang pun sudah mendapat manfaat yang lebih kurang daripada masyarakat yang hampir dengan bandar yang menanggung kos yang rendah dan mendapat pulangan yang lebih tinggi. Jadi kalau demikian, dalam keadaan diperbadankan dan diswastakan, dalam keadaan ingin membuat keuntungan yang lebih tinggi, sudah tentulah pihak luar bandar dan orang yang miskin, sasaran FELCRA itu ditubuhkan, akan menjadi mangsa kepada perubahan ini. Oleh yang demikian, saya berharap semoga kerajaan terus memainkan peranannya memastikan sama ada melalui subsidi atau melalui apa cara sahaja supaya golongan sasaran tidak menjadi mangsa kepada perubahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja secara singkat. Banyak lagi perkara kalau saya hendak bercakap. Sudah tentu lebih banyak kebaikan daripada keburukan, tetapi kita meng'highlight'kan keburukan itu supaya dapat diatasi dan diberi perhatian supaya kita jangan ditenggelamkan dengan kebaikan dan lupa atas keburukan daripada sesuatu tindakan kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki.

6.20 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk membahaskan sedikit berkenaan Rang Undang-undang Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Penggantian dan Pembubaran) 1997. Saya tidak tahulah, sepatutnya 'penggantian' itu kemudian, bubar dahulu baru ganti. Sekarang ini kita ganti dahulu, selepas itu baru bubar. Kemungkinan ini takrif baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk hendak menceritakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa FELCRA, nama yang terkenal di seluruh negara dan di kampung-kampung, FELCRA ini amat dekat dengan sanubari dan hati orang kampung. Begitu juga agensi RISDA, mini estet FELDA, tetapi di kampung-kampung tradisional FELCRA inilah yang hampir dekat sekali. Apabila sebut sahaja bagaimana hendak memulihkan tanah - FELCRA.

Baru-baru ini saya berpeluang pergi ke sebuah cawangan UMNO dan mendengar ketua cawangan itu bercerita berkenaan dengan tanah pinggir dekat kampung mereka. Kerajaan hendak menimbangkan untuk mencari gali, ada emas di situ dan bertanya kepada saya, mereka tidak hendak tanah itu dijadikan lombong, mereka hendak tanah itu diserahkan kepada FELCRA untuk menjayakannya. Disebabkan mereka di kampung-kampung telah pun berumur dan tidak dapat lagi mengusahakan tanah-tanah yang

berhampiran, yang dimiliki oleh kerajaan, oleh itu mereka menyatakan kepada saya untuk sampaikan kepada Pengurus Besar FELCRA supaya tanah itu dijadikan saham untuk orang-orang kampung. Saya menceritakan, kerajaan negeri berhak untuk menggali emas itu dahulu. Jikalau ada emas, keutamaan diberi kepada benda ada di bawah tanah. Walau bagaimanapun, kalau tidak ada emas, bolehlah diserahkan kepada FELCRA. Saya dengar FELCRA ini hendak dikorporatkan, tetapi saya tidak berani menyatakan kepada orang-orang kampung, takut hampa hati mereka. Jadi, saya kata, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pengurusan FELCRA selama ini. Saya sangat dekat dan tahu apa yang mereka lakukan di kampung, khususnya di kawasan saya sendiri selama 17-18 tahun dahulu. Jadi, seperti juga dua orang sahabat saya tadi yang mengatakan bahawa penggantian ini apabila dikorporatkan FELCRA ini, jadi FELCRA Berhad, tujuan dan sasarannya tidak akan diketepikan bahawa orang-orang kampung telah menjadi sasarannya. Tetapi apabila satu-satu agensi kerajaan di'privatise'kan, dikorporatkan, yang pertama sekali mereka memikirkan sepertimana sahabat saya kata tadi, pulangan dan keuntungan.

Katakanlah kita ambil satu contoh, Pelabuhan Kuantan (Kuantan Port) hendak di'privatise'kan. Sekarang ini pelabuhan itu untung dan siapa juga yang ambil alihnya sudah tentu untung. Jadi, saya harap, misalnya kalau mengambil alih janganlah digunakan untung itu untuk untung, tidak hendak menggunakan untung itu untuk melabur lagi dalam pelabuhan itu supaya besar lagi pelabuhan itu untuk kegunaan negeri. Jadi, FELCRA pun begitu juga, apabila kita korporatkan, ia mesti lebih maju lagi, keuntungan mesti berlebih lagi, penduduk-penduduk kampung yang dapat RM200, RM300 sebulan ini akan berlipat ganda lagi dari segi sahamnya, mereka sangat seronok untuk FELCRA ini menjayakan tanahnya supaya mereka dapat habuan dari saham.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengikut angka sepertimana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bukannya Timbalan Menteri, kalau saya salah, tetapi sebab Yang Berhormat tadi kata 'Timbalan Menteri', tetapi dia senyap sahaja. Kemungkinan Timbalan Menteri lah, tetapi saya masih lagi hendak kata 'Yang Berhormat Setiausaha Parlimen'. Jadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau salah saya - betulkanlah, kita ada 55,000 peserta dalam rancangan FELCRA di seluruh negara, termasuk Benta, kawasan saya, ada juga FELCRA di situ sungguhpun kecil, dahulu - minta maaf. Benta itu kawasan saya dahulu, jadi sekarang tidaklah, ada penggantinya. Jadi, peserta-peserta ini tertunggu-tunggu sekarang ini apa akan berlaku. Saya tidak tahu sejauh mana korporat ini kita hendak korporatisekan sama ada akan berjaya atau tidak, tetapi insya-Allah, ia akan berjaya. Sekarang ini mereka menerima saham, 2 bulan, 3 bulan sekali dapat dan tertunggu-tunggulah. Diharapkan saham itu akan berlebihan lagi, dividennya akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita korporatkan nanti, saya harap agensi ataupun syarikat berhad ini akan banyak lagi melaksanakan rancangan-rancangan lebih lagi apa yang dibuat oleh FELCRA sekarang ini. Misalannya, kalau kita buka tanah untuk kelapa sawit, kita cantumkan kawasan-kawasan yang berhampiran itu dan jikalau difikirkan, dengan izin, economical, kita buatlah kilang penapis minyak kelapa sawit, kita buat sabun, kita buat minyak-minyak pelicin.

Sekarang ini industri-industri kilang, dengan izin, downstream activity ini, kebanyakannya berlaku di bandar-bandar besar, tetapi di kampung-kampung khususnya di kampung-kampung tradisional tidak ada, mengapa? Sebab jalan kecilkah ataupun infrastruktur tidak adakah, misalannya di Kuala Lipis, di Chegapera, di Kemahang, di Jerangsang, di Hulu Cheka, di Tahan, di Tembeling, di Pagar Sasak. Jadi, industri-

industri kecil ini sepatutnya wujud dan sudah tentu pekerja-pekerja dapat diberi kepada penduduk-penduduk di sekitar itu supaya mereka ini tidak lagi berhijrah ke bandar-bandar besar yang sesak, yang penuh dengan setinggan dan masalah-masalah sosial yang berlaku di bandar-bandar besar.

Kita cuba kurangkan masalah ini dengan menempatkan remaja-remaja di kampung-kampung tradisional dengan mewujudkan kilang-kilang yang sederhana. Kemungkinan jawapannya nanti, kalau berlaku di kampung-kampung tradisional, seperti juga yang berlaku di Lembah Klang ini. Saya rasa tidak akan berlaku sebab dari segi moralnya orang-orang kampung ini amat tinggi kalau dibandingkan dengan kita dapati di bandar-bandar sekarang ini. Ini satu kenyataan, bukannya satu perkara yang saya sebut.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan nampaknya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Oleh kerana Yang Berhormat Dato' Zuki daripada Pahang dan saya difahamkan Pahang ini banyak kawasan FELCRA dan FELDA dan Yang Berhormat sebut tadi penempatan peserta-peserta ini terdiri daripada kaum belia dan untuk hendak mengatasi masalah gejala sosial negatif. Saya hendak mendapat maklumat daripada Yang Berhormat, adakah kedudukan di FELCRA, FELDA di Pahang sekarang ini tidak menimbulkan masalah gejala sosial negatif terutamanya di kawasan FELDA dan FELCRA di Pahang?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara-perkara sosial negatif ini bukan sahaja remaja, orang tua pun memberi masalah juga, *[Ketawa]* orang pertengahan pun memberi masalah juga. Jadi, saya tidak

setujumlah kalau remaja sahaja, belia sahaja yang menghadapi masalah sosial ini. Tetapi yang saya sebut tadi, kampung-kampung tradisional, tidak tahulah di Perlis, tetapi di sebelah Pahang sana kampung-kampung tradisional ini masalah sosial sangat berkurangan. Tetapi masalah sosial ada sedikit ketara di kawasan-kawasan FELDA. Satu, dua orang itu memang adalah kita dengar di kampung-kampung juga, di mana-mana kampung pun ada masalah seperti itu tetapi tidak ketara, kita tidak dengar sangat masalah remaja, belia, orang-orang tua, saya tidak tahulah di Perlis.

Jadi, masalah di kampung tradisional di mana FELCRA ada peranan untuk membangun, tidak ada sangat, tetapi di setengah kawasan FELDA ada, disebabkan tidak cukup aktiviti-aktiviti misalannya. Misalannya di Jengka, Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Abdullah, ada juga masalah sedikit, dia tidak boleh nafikan. Sebabnya kaum-kaum belia di kawasan-kawasan FELDA ini kadang-kadang mereka tidak tahu apa hendak buat. Hendak bekerja, tempat tidak ada. Kalau pergi sekolah pun - yang pergi sekolah itu terjagalah. Yang sudah bersekolah, tidak dapat kerja. Yang dapat sijil pangkat I pun, sepertimana yang diutarakan oleh sahabat saya semalam mengatakan hendak pergi ke universiti pun tidak tahu.

Jadi, inilah masalah-masalah yang timbul di kawasan-kawasan khususnya FELDA sepertimana kata Yang Berhormat tadi, ada masalah di FELDA tetapi tidak sangat membimbangkan lagi. Inilah perkara yang patut kerajaan bendung sebelum ia melarat. Saya harap jawapan itu sepatutnya datangnya daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, jadi saya pula hendak menjawab Yang Berhormat dari Perlis ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya harap FELCRA ini akan terus memainkan peranan untuk meninggikan ekonomi luar bandar khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga FELCRA ini bukan sahaja membangunkan tanah, mereka ini ada koperasi, entah berapakah tadi koperasinya. Walau bagaimanapun, tidak apalah, ini fotostat, tidak payahlah saya sebutkan, sepertimana Yang Berhormat kata tadi benda-benda itu sudah biasa diperkatakan dalam hujah-hujah untuk hendak membubarkan semua wilayah ini tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mereka ada juga jawatankuasa, mereka ada pihak wanita untuk menjayakan sos-sos cili misalannya, ada juga kelas-kelas menjahit selain daripada KEMAS, FELCRA pun mengambil peranan juga di kampung-kampung. Oleh itu, saya harap benarlah pembubaran FELCRA ini dan penggantiannya dengan satu syarikat yang kita namakan FELCRA Berhad akan berlebih-lebih lagi menjayakan tanah-tanah pinggir di kampung-kampung supaya ekonomi bumiputera khususnya orang-orang Melayu yang tinggal di kampung-kampung ini dapat dilipatgandakan.

Sebelum saya akhiri, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada kakitangan FELCRA dan saya harap kakitangan FELCRA termasuk Director-Generalnya sekali diserapkan ke dalam FELCRA Berhad.

Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 6.30 petang, kita tangguhkan Majlis ini hingga hari Isnin, 2hb. Jun, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.